

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI RABU : 6 DISEMBER 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO` SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO` SRI VELL PAARI a/l TUN SAMY VELLU minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah peluang pekerjaan bernilai tinggi yang telah diwujudkan melalui program *National Investment Aspiration* (NIA) memandangkan data Kementerian menunjukkan 29% pekerjaan bernilai tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations* – NIA) merupakan aspirasi yang menjadi asas kepada reformasi polisi pelaburan Malaysia menerusi tonggak utama iaitu **meningkatkan kompleksiti ekonomi; mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi; memperluas rangkaian domestik; mewujudkan kluster ekonomi baharu serta memperkukuhkan kluster sedia ada; dan meningkatkan inklusiviti. NIA juga memberi tumpuan kepada keterangkuman dan kemampanan yang selari dengan matlamat Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)**. Hasrat serta objektif yang telah ditetapkan di dalam NIA dan Dasar Pelaburan Baharu (*New Investment Policy* – NIP) diteruskan melalui Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan* – NIMP) 2030 yang telah dilancarkan pada 1 September 2023.

Merujuk kepada Laporan Survei Tenaga Buruh 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pekerjaan bagi kategori mahir pada tahun 2022 yang direkodkan adalah 29.6% bagi kesemua aktiviti ekonomi mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2018 Versi 1.0. Definisi pekerjaan kategori mahir yang digunakan oleh DOSM mengikut Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2013 adalah **Pengurus, Profesional, Juruteknik, dan Profesional Bersekutu**.

NO SOALAN: 10

Nisbah pekerjaan bernilai tinggi di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) diukur melalui kategori pekerjaan yang akan diwujudkan di dalam bidang **pengurusan, teknikal dan penyeliaan (PTP)** bagi **sektor perkilangan (pembuatan)** sahaja. Dalam memastikan pelaburan dalam sektor perkilangan di negara ini mewujudkan peluang pekerjaan bernilai tinggi, MIDA menetapkan dan memantau syarat bagi projek yang diluluskan Lesen Pengilang atau galakan cukai agar mewujudkan sekurang-kurangnya 25% pekerjaan dalam kategori PTP dari jumlah keseluruhan peluang pekerjaan yang dicadangkan.

Jumlah peratusan pekerjaan dalam kategori PTP direkodkan berdasarkan kepada projek-projek perkilangan yang diluluskan bagi tahun **2021** dan **2022** adalah sebanyak **38.5%** dan **36.7%**, melebihi kriteria minimum yang ditetapkan bagi kelulusan Lesen Pengilang atau galakan cukai iaitu 25%.

NIMP 2030 turut menetapkan sasaran berasaskan hasil (*outcome-based targets*) termasuklah **sasaran kadar gaji penengah (median wage)** bagi **sektor perkilangan** daripada RM2,205 bagi tahun 2022 kepada kadar gaji penengah yang lebih tinggi iaitu RM4,510 menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023**

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan bagaimana teknologi boleh diperkenalkan di dalam Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan juga dalam bidang pertanian khususnya di luar bandar bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, MOSTI sedia membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan melalui penawaran teknologi tempatan hasil daripada aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) yang bernilai tinggi sekaligus membawa Malaysia ke arah *High-Tech Nation* menjelang 2030.

Sebagai Kementerian peneraju sains, teknologi dan inovasi (STI), MOSTI bersedia dalam memastikan pembangunan dan pengaplikasian teknologi tempatan oleh PMKS diperhebatkan melalui inisiatif MOSTI di bawah beberapa Pelan Hala Tuju Teknologi antaranya seperti Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan 2021-2025 dan Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Nasional (*Advanced Materials*) 2021-2030.

Sehubungan itu, bagi memperkasakan pembangunan teknologi di kalangan PMKS, beberapa langkah proaktif telah di ambil menerusi:

- i. **Yang Pertama, Program Pendanaan Dan Pengkomersialan** bagi aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R,D,C&I) teknologi tempatan;
Di bawah MOSTI, telah tersedia sebanyak 18 buah program pendanaan, program bimbingan kapasiti serta insentif cukai yang mampu membantu pembangunan ekosistem PMKS dapat dilaksanakan secara berkesan.

NO SOALAN: 11

Antaranya adalah melalui dana R&D *eksperimental development* di bawah Bahagian Dana, MOSTI, program pembangunan kapasiti seperti *Global Market Fit* di bawah MRANTI, *Angel Tax Incentives* di bawah Cradle Fund Sdn. Bhd. dan dana Sandbox Teknologi dan Inovasi Nasional atau NTIS.

Sebagai contohnya, National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) memberi kemudahan pembiayaan dana kepada PMKS atau usahawan teknologi bagi membantu mempercepatkan penerimaan produk/ perkhidmatan/teknologi mereka ke pasaran, melalui proses pengujian dalam persekitaran yang sebenar dan selamat, terutamanya bagi mereka yang menghadapi halangan berkaitan regulatori.

Sejak NTIS dilancarkan pada tahun 2020, ianya telah menerima sebanyak 880 permohonan, dengan 110 permohonan diluluskan dan lebih RM89.4 juta dana telah disalurkan. Sehingga kini, 47 syarikat di bawah NTIS telah pun menyelesaikan projek mereka di tapak sandbox masing-masing dan memasuki fasa pengkomersialan. Sebanyak 27 projek telah berjaya dikomersialkan dengan jumlah jualan sehingga RM87.2 juta.

- ii. **Yang Kedua, Program Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan dalam Perolehan Kerajaan** dikenali dengan MySTI. MySTI bertujuan untuk merangsang daya cipta dan daya saing syarikat teknologi bagi memperkasakan lagi usaha pengkomersialan teknologi dan inovasi tempatan. Barangan dan perkhidmatan tempatan

yang dihasilkan melalui aktiviti R&D tempatan akan dikenalpasti melalui penandaan logo MySTI, dan akan diberi keutamaan dalam Perolehan Kerajaan, sebagai komitmen Kerajaan untuk mencapai sasaran Malaysia sebagai negara pengeluar teknologi menjelang tahun 2030. Pada tahun 2024, sejumlah RM13 juta diperuntukan bagi pelaksanaan MySTI.

- iii. **Yang Ketiga, Program Inovasi Sosial** dengan pencapaian rangkaian lebih 6,500 inovator sosial di seluruh negara demi menggalakkan pembangunan inovasi berpotensi di peringkat akar umbi untuk dikomersialkan dengan memberi fokus kepada pelbagai bidang termasuk pertanian komuniti di luar bandar. Sepanjang tempoh 2020 hingga 2023, sebanyak 18 projek berkaitan pertanian komuniti telah dilaksanakan di bawah pendanaan MyIS Komuniti, manakala 9 produk berkaitan pertanian telah dibangunkan dibawah pendanaan pembangunan produk MaGRIS yang melibatkan pertanian komuniti. Program MyIS dan MaGRIS memberi impak secara langsung dengan menyumbang kepada lebih 3,000 orang komuniti luar bandar sepanjang tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan peruntukan khusus di bawah Rolling Plan Ketiga (RP3) dalam penyelarasan agenda pembasmian kemiskinan di seluruh Negeri Kedah.

JAWAPAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi usaha pembasmian kemiskinan di Negeri Kedah, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 353.4 juta ringgit bagi *Rolling Plan* 3 di bawah perbelanjaan pembangunan atau DE pada tahun 2023. Inisiatif pembasmian kemiskinan melibatkan program peningkatan sosioekonomi dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan asas. Antara projek utama adalah seperti berikut:

1. Pertama, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar, Penyenggaraan Perumahan dan Program Perumahan Rakyat di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan;
2. Kedua, Projek Pembangunan Koridor di bawah Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, NCIA, Kementerian Ekonomi;
3. Ketiga, Program Peningkatan Produktiviti Nelayan B40 Negeri Kedah oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan;
4. Keempat, Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar oleh Kementerian Kesihatan Malaysia; dan

5. Kelima, Program Pembangunan Kemahiran, Projek Ameniti Sosial, Bekalan Air Luar Bandar dan Projek Membina dan Menyiapkan Jalan Kampung dan Jalan Perhubungan Desa di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

Kerajaan turut melaksanakan program Inisiatif Pendapatan Rakyat, IPR yang melibatkan seramai 66 ketua isi rumah atau KIR B40 dan miskin tegar di Negeri Kedah. Daripada jumlah ini, 61 KIR miskin tegar terlibat dalam program Pembasmian Miskin Tegar, BMT manakala 5 KIR terlibat dalam Inisiatif Usahawan Makanan atau INSAN.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan agenda pembasmian kemiskinan terus dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat termasuk di Negeri Kedah. Pelbagai strategi jangka sederhana dan panjang untuk menangani kemiskinan dari pelbagai dimensi akan terus ditumpukan sepertimana digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025.

Dalam Bajet 2024, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan bagi menyokong usaha ini termasuk:

1. Pertama. 500 juta ringgit bagi pelaksanaan Program IPR sebagai tambahan kepada program bantuan sosial yang terus disediakan melalui pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan;
2. Kedua, 50 juta ringgit bagi dana Tabung Bencana Pertanian bagi memberi pampasan sehingga 50% daripada nilai kerugian kepada petani, penternak dan nelayan;

NO SOALAN: 12

3. Ketiga, 1 bilion ringgit di bawah Dana Komuniti MADANI bagi menyediakan geran antara 50 ribu ringgit hingga 100 ribu ringgit kepada komuniti untuk menjayakan Program Komuniti MADANI;
4. Keempat, 100 juta ringgit untuk terus menyokong usaha yang diambil oleh NGO dan pertubuhan masyarakat sivil termasuk Yayasan Hasanah; dan
5. Kelima, memperkenalkan Program Kampung Angkat MADANI yang memberi tumpuan kepada melengkapkan kemudahan asas termasuk internet di kawasan desa yang terpinggir dengan menggembelng tenaga rentas kementerian serta bekerjasama dengan GLC, GLIC dan badan swasta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam meningkatkan usaha pertanian pintar selaras dengan agenda Rancangan Malaysia Ke-12 dan apakah hasil terkini daripada inisiatif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited dalam meningkatkan usaha mempergiatkan pertanian pintar selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Antara usaha yang dilaksanakan oleh KPKM melalui jabatan dan agensinya dalam menggalakkan pertanian pintar adalah seperti berikut:

- (i) Pembangunan infrastruktur dan sistem, antaranya:
 - a) **menaik taraf sistem pengairan konvensional kepada sistem pengairan pintar** dengan pencapaian **sebanyak 85 projek pertanian** sehingga November 2023;
 - b) menyediakan **pusat bertauliah untuk latihan pertanian yang dilengkapi teknologi pertanian pintar** seperti sistem pertanian pintar tanaman dan teknologi ternakan ayam secara tertutup; dan
 - c) melaksanakan **Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan** menggunakan imej satelit bagi membolehkan nelayan mengenal pasti lokasi populasi ikan yang tinggi. Penggunaan sistem ini dapat menjimatkan penggunaan bahan bakar sebanyak 30% dan meningkatkan hasil tangkapan sebanyak 24%.

- (ii) Geran dan Kemudahan Pembiayaan seperti:
- a) melaksanakan **Program Ladang e-Satelit** melalui peruntukan RM10 juta berbentuk geran padanan pada nisbah 70 (Kerajaan) dan 30 (Peserta) dengan had maksimum RM30 ribu bagi membiayai sistem pertanian pintar. Program ini telah memanfaatkan **394 peserta**;
 - b) melaksanakan **Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA)** yang menawarkan kemudahan pembiayaan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus untuk tempoh pinjaman sehingga 10 tahun. Pembiayaan ini melibatkan perolehan teknologi berasaskan 4IR dan telah memanfaatkan seramai **65 usahawan** sehingga Oktober 2023; dan
 - c) menjalinkan kolaborasi bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menerusi inisiatif **Digital AgTech** yang melibatkan pemasangan sistem pertanian digital. Sehingga November 2023, seramai **489 pengusaha** telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

Kementerian komited mempergiat usaha dalam memastikan pertanian pintar digunakan secara meluas di kalangan golongan sasaran di sepanjang rantaian makanan selaras dengan Teras Strategik 1 Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini kerja-kerja bagi pembinaan Klinik Kesihatan yang sedang dibina di tapak Lot 19351 Tabuan Jaya Bahagian Kuching.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Senator, Klinik Kesihatan (Jenis 2) Tabuan Jaya, Kuching telah diluluskan pada tahun 2016 di bawah *Rolling Plan* 1 (RP1), Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-11) dengan kos projek sebanyak RM40 juta. Klinik Kesihatan ini dapat menampung kedatangan harian sehingga 800 pesakit apabila beroperasi kelak.
2. Projek ini dilaksanakan secara berfasa di mana Fasa Pertama yang melibatkan skop Kerja Tanah telah bermula pada 28 Ogos 2017 dan telah siap sepenuhnya pada 28 Februari 2018 dengan kos kontrak berjumlah RM1.33 juta.
3. Selepas kerja-kerja tanah ini siap, tapak projek perlu dibiarkan untuk tempoh tertentu bagi memberikan masa untuk mendapan (*settlement*) berlaku dahulu. Apabila tapak tersebut telah stabil (*consolidated*), barulah fasa kedua projek iaitu melibatkan skop kerja bangunan dapat dimulakan. Proses ini amat penting bagi memastikan bangunan yang disiapkan kelak tidak menghadapi masalah keretakan bangunan yang disebabkan oleh mendapan tanah.
4. Fasa Kedua projek ini iaitu melibatkan skop Kerja Bangunan telah bermula pada 8 Disember 2021 dan dijadualkan siap pada 13 Jun 2024. Sehingga 31 Oktober 2023, kemajuan kerja di tapak telah mencapai 54.96% berbanding jadual iaitu 59.55% iaitu mengalami kelewatan sebanyak 4.59% yang bersamaan dengan 24 hari lewat.

5. Untuk makluman, kelewatan projek ini berpunca daripada keadaan cuaca buruk dan kekurangan bahan binaan (simen) di pasaran pada bulan Oktober 2022 hingga Disember 2022 yang menyebabkan kerja-kerja di tapak tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Sehubungan itu, pihak Jabatan Kerja Raya Sarawak selaku agensi pelaksana projek ini telah memberi kelulusan lanjutan masa (EOT) No.1 berjumlah enam (6) hari kepada kontraktor.
6. KKM bersama-sama JKR Sarawak akan terus memantau projek ini dengan rapi supaya kelewatan yang berlaku dapat dikurangkan dari semasa ke semasa seterusnya dapat memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Di samping membina baharu dan menaik taraf fasiliti, salah satu usaha yang dilaksanakan oleh KKM di bawah Kerajaan Perpaduan ini adalah pemerksaan Skim Perubatan MADANI yang merupakan satu inisiatif bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40 terhadap rawatan sakit-sakit ringan melalui kerjasama dengan klinik-klinik swasta yang berdaftar di bawah program ini.
8. Untuk makluman Yang Berhormat, di sekitar kawasan Tabuan Jaya ini, terdapat empat (4) klinik swasta berdaftar di bawah Skim ini dan sehingga 17 November 2023, sebanyak 510 lawatan pesakit telah dilakukan di kesemua klinik swasta tersebut dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM29,046.70.

NO SOALAN: 14

9. KKM melalui ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. akan terus berusaha untuk meningkatkan penglibatan klinik-klinik swasta di dalam Skim Perubatan MADANI ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status penambahan laluan radio- frequency identification (RFID) di semua lebuh raya di Malaysia. Adakah pengumuman penggunaan pelaksanaan Open Payment System serta migrasi kepada sistem Multi Lane Fast Flow (MLFF) ini telah menyebabkan pihak syarikat konsesi tidak lagi mengutamakan penambahan laluan RFID.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kebanyakan lebuh raya khususnya lebuh raya di dalam bandar telah membuat penambahan lorong RFID dan pada masa ini sekurang-kurangnya dua (2) lorong setiap arah di setiap plaza tol telah disediakan bagi menampung bilangan pengguna RFID yang semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, pada masa ini pelaksanaan Sistem Kutipan Tol Secara Pembayaran Terbuka (SPT) serta migrasi kepada sistem Multi Lane Fast Flow (MLFF) adalah tidak berkait dengan keperluan penambahan lorong RFID. Ini kerana penambahan sesebuah lorong RFID adalah bergantung kepada bilangan pengguna dan tahap kapasiti trafik di lorong tersebut sebagaimana yang ditetapkan di dalam standard prosedur operasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penghuni penjara mengikut kapasiti sebenar jumlah penghuni di setiap penjara dan berapakah peratusan jumlah banduan baharu serta yang telah selesai menjalani hukuman.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia sehingga 22 November 2023, kapasiti keseluruhan banduan di seluruh institusi penjara adalah seramai **65,310** orang banduan manakala jumlah pengisian banduan seluruh institusi penjara pula adalah seramai **70,806** orang banduan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan banduan yang telah dimasukkan ke dalam penjara bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 29 November 2023 adalah seramai 267,935 orang banduan. Bilangan banduan yang telah dibebaskan pula adalah seramai 261,177 orang banduan bagi tempoh yang sama.

Sekian, teirma kasih,

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana pelaksanaan untuk memperkenalkan *vacancy tax* bagi mengatasi masalah lambakan rumah tidak terjual dan penawaran unit rumah yang tidak setara dengan kemampuan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Laporan Pasaran Harta Separuh Pertama 2023 yang dikeluarkan oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC) menyatakan bahawa walaupun keadaan kewangan dan ekonomi global yang mencabar, pasaran harta tanah masih teguh susulan rangsangan pelbagai inisiatif yang digariskan oleh Kerajaan di bawah Bajet 2023. Mengambil kira perkara tersebut serta bagi memastikan isu lambakan rumah tidak terjual dapat dikawal, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

- (i) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyediakan pemetaan Indeks Rumah Mampu Milik berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Kaedah ini mengambil kira media pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median (*median multiple*). Pemetaan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti;

NO SOALAN: 17

- (ii) menggalakkan pemaju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study* sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual; dan
- (iii) mengadakan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan bagi mengenal pasti isu berhubung ketidaksepadanan permintaan berbanding penawaran rumah dalam pasaran serta cadangan penyelesaian bagi isu-isu tersebut.

KPKT berpandangan bahawa industri perumahan sewajarnya berkembang seiring dengan pasaran tempatan. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan wajar melaksanakan intervensi melibatkan projek perumahan mampu milik sahaja. Justeru, berdasarkan situasi semasa, setakat ini KPKT tiada cadangan untuk mengusulkan Cukai Kekosongan (*Vacancy Tax*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan hasrat Kerajaan untuk menambah bilangan angkatan tentera tetap, simpanan dan sukarela sebagai persediaan pertahanan negara menghadapi situasi luar jangka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa berusaha menarik minat dan mempertingkatkan bilangan pengambilan anggota ATM sebagai salah satu usaha utama memperkasakan keutuhan organisasinya. Perkhidmatan ATM bertunjangan dari 3 cabang perkhidmatan utama iaitu Darat, Laut dan Udara menjadi satu organisasi *versatile* dan mengutamakan peningkatan kemahiran (*upskilling*) tenaga kerja anggota tentera dalam memastikan Anggota ATM sentiasa berkemahiran dan berasaskan pengetahuan.

2. Pengambilan anggota ATM di dalam ketiga-tiga perkhidmatan ini sentiasa dilakukan setiap tahun, dimana pengambilannya tidak melibatkan sebarang kuota mengikut kaum dan ianya diselaraskan berdasarkan kepada bilangan anggota yang menamatkan perkhidmatan dalam sesuatu tahun dan waran perjawatan yang telah ditetapkan serta unjuran perancangan guna tenaga manusia bagi setiap perkhidmatan (yang melibatkan Tentera Darat, Laut dan Udara).

3. Pada tahun 2023, seramai 627 belia telah dipilih memasuki perkhidmatan ATM melalui skim Pegawai Kadet UPNM dan Pegawai Kadet Lepas Ijazah (Graduan), manakala seramai 6,979 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) telah menyertai ATM melalui skim Askar Laskar (Anggota Lain-Lain Pangkat). Pihak ATM sehingga kini masih mempergiatkan lagi usaha untuk menarik minat golongan muda tanpa menetapkan sebarang kuota dan memberi peluang sama rata kepada

semua belia yang berkeelayakan serta memenuhi syarat untuk menjadi anggota ATM.

4. Berkenaan dengan pasukan simpanan pula, pasukan ini yang disertai dikalangan anggota sukarela adalah berperanan untuk *augment* iaitu menambah besar atau membantu ganti Angkatan Tetap apabila diperlukan dalam situasi krisis dan konflik. Kementerian komited untuk meningkatkan kekuatan Angkatan Sukarela yang mempunyai elemen pasukan pakar dan akan menumpukan bidang kepakaran baharu dalam bidang-bidang khusus seperti kejuruteraan satelit, keselamatan siber, integrasi sistem, pengkomputeran awan dan *big data* untuk menghadapi ancaman masa kini dan masa hadapan.

5. Bagi menyokong serta memperkukuhkan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH), Kementerian Pertahanan menggariskan sasaran pengambilan Pegawai dan Anggota Angkatan Sukarela seramai 8,400 orang setiap tahun bagi mencapai peranannya. Dengan sasaran pengambilan ini, peningkatan kekuatan Angkatan Sukarela dapat dilihat sebagai langkah proaktif dalam memperluaskan keupayaan pertahanan negara.

6. Kementerian mengalu-alukan rakyat untuk memberi sokongan dengan menyertai mana-mana perkhidmatan Askar Wataniah, Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut dan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Udara. Komitmen dan kerjasama daripada Pihak Berkuasa Tempatan, swasta dan majikan juga amatlah diperlukan dalam memberi pelepasan penyertaan rakyat dan pekerjaanya dalam pasukan simpanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah skim perkhidmatan awam yang masih dibayar gaji pokok di bawah paras gaji minimum iaitu RM1,500 sebulan, contohnya seorang Konstabel Polis Diraja (PDRM) yang baru hanya menerima gaji pokok permulaan sebanyak RM1,441.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gaji dalam Perkhidmatan Awam ditetapkan berasaskan konsep gaji untuk menyara keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Struktur gaji Perkhidmatan Awam juga dibentuk berdasarkan prinsip kadar upah untuk kerja, kelayakan masuk dan latihan, relativiti dan pariti serta perbandingan adil. Dalam struktur saraan Perkhidmatan Awam sedia ada, selain daripada gaji pokok, penjawat awam turut menerima pelbagai bentuk elaun yang terdiri daripada imbuhan tetap, bayaran imbuhan, bayaran balik dan lain-lain elaun yang akan menyumbang kepada jumlah pendapatan bulanan (emolumen) seseorang penjawat awam.
2. Perintah Gaji Minimum (PGM) dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [*Akta 732*] yang **dikuatkuasakan kepada majikan dalam sektor swasta** dan ditetapkan pada kadar RM1,500.00 sebulan mulai 1 Mei 2022 bagi seluruh negara.

NO SOALAN: 19

3. Walaupun gaji minimum yang ditetapkan melalui PGM adalah tidak terpakai kepada Perkhidmatan Awam, kadar gaji minimum tersebut akan dijadikan sebagai penanda aras (*benchmark*) dalam menetapkan saraan dalam Perkhidmatan Awam selaras dengan dasar dan hala tuju yang ditetapkan oleh Kerajaan.
4. Pada masa ini, jumlah pendapatan bulanan (emolumen) terendah yang diterima oleh Penjawat Awam adalah RM1,795.00 meliputi gaji pokok, Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bayaran Insentif Sara Hidup (BISH). Amaun ini juga bukanlah suatu amaun yang statik kerana pegawai akan menerima Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) apabila genap setiap tahun perkhidmatan tertakluk kepada prestasi pegawai.
5. Selain daripada gaji pokok, Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai bentuk elaun yang bertujuan untuk membantu Penjawat Awam menampung kos sara hidup, antaranya Bayaran Imbuhan Sara Hidup, Imbuhan Tetap Perumahan, Bayaran Insentif Wilayah, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan sebagainya. Kerajaan juga menyediakan kemudahan kewangan seperti pinjaman perumahan kerajaan dan pinjaman kenderaan pada kadar tetap.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD
GHAFFAR
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR minta **MENTERI**
PENDIDIKAN menyatakan apakah punca masalah kekurangan guru dan
bagaimanakah masalah ini boleh diatasi dengan segera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap kekurangan guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Jumlah kekurangan guru bagi sekolah KPM adalah dinamik dan akan berubah dari semasa ke semasa. Punca kekurangan guru ini adalah disebabkan oleh guru keluar sistem seperti guru yang bersara paksa, bersara pilihan, bertukar, naik pangkat, menyambung pelajaran, meninggal dunia, meletak jawatan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kekurangan guru ini adalah bersifat sementara dan kekurangan ini akan diisi dengan lantikan baharu berdasarkan jumlah yang telah dikenal pasti.

Bagi menangani isu kekurangan guru, beberapa pendekatan strategik telah dipersetujui dan akan dilaksanakan termasuk peluasan kluster mata pelajaran bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru. Pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara bagi mata pelajaran - mata pelajaran kritikal seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Islam, Rekabentuk dan Teknologi, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan Pendidikan Seni Visual.

NO SOALAN: 20

Selain melaksanakan pengambilan guru dalam kalangan graduan pendidikan yang dilakukan dari semasa ke semasa, KPM melaksanakan pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) selama setahun sebelum dilantik tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, SPP telah mengumumkan keputusan temu duga tawaran pelantikan guru tetap kepada 9,552 orang calon pada 3 November 2023. Selain daripada itu, SPP juga sedang melaksanakan urusan temu duga calon lantikan CoS bermula pada bulan September sehingga November 2023 dan keputusan temuduga akan diumumkan pada bulan Januari 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ISIAH A/L D JACOB
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN ISIAH A/L D JACOB minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan melalui Belanjawan 2023 yang telah diberikan, berapakah bangunan yang telah dilengkapi dengan kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU). Senaraikan bangunan tersebut untuk makluman orang awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut Seksyen 26(1) Akta Orang Kurang Upaya 2008, orang kurang upaya (OKU) mempunyai hak untuk akses kepada kemudahan, ameniti, perkhidmatan dan bangunan awam yang disediakan kepada orang ramai atas asas kesetaraan dengan orang upaya. Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) memainkan peranan untuk menasihati semua pihak termasuk agensi Kerajaan dalam perkara-perkara berkaitan pembangunan dan kebajikan golongan OKU.

2. Di bawah MBOKU, sebanyak enam jawatankuasa telah ditubuhkan untuk membantu Majlis dalam memainkan peranan dan fungsinya dalam membangunkan OKU di negara ini. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk perkara ini adalah Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina.

3. Jawatankuasa ini memberi tumpuan kepada isu-isu aksesibiliti bangunan, ruang awam dan penggunaan peralatan atau kemudahan berkonsepkan '*universal design*' dalam setiap reka bentuk. Ini untuk memastikan peralatan atau kemudahan ini boleh digunakan oleh semua golongan masyarakat termasuklah OKU, warga emas, kanak-kanak dan ibu mengandung.

4. Jawatankuasa ini telah menjalankan audit akses di 195 tipologi di bawah kategori awam, komersial, institusi, keagamaan, taman rekreasi, kemudahan luar, pengangkutan dan kemudahan kesihatan. 51 daripadanya telah dijalankan ke atas premis Kerajaan.

5. Daripada 195 tipologi, sebanyak 13 premis mendapat penarafan lima (5) bintang, 40 premis mendapat empat (4) bintang, 89 premis mendapat tiga (3) bintang, 48 premis mendapat dua (2) bintang dan lima (5) premis mendapat satu (1) bintang. Tujuan audit akses diadakan adalah untuk menilai penyediaan fasiliti yang mesra OKU berasaskan rekabentuk sejagat di premis-premis berkenaan. Sukacita dimaklumkan bahawa bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Putrajaya telah diberi penarafan 5 bintang.

6. Bagi tahun 2023, antara inisiatif yang dilaksanakan adalah mengadakan audit akses susulan termasuklah di bangunan Parlimen, Masjid Negara, laluan pejalan kaki di Jalan Tunku Abdul Rahman dan laluan pejalan kaki di Bukit Bintang yang telah diadakan pada 3 hingga 4 Ogos 2023. Selain itu, satu bengkel Training of Trainers (TOT) Audit Akses akan dijalankan pada pertengahan bulan Disember 2023.

7. Pada tahun lalu, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan khusus sebanyak RM30juta untuk menaik taraf infrastuktur bangunan Kerajaan supaya mesra OKU. Kementerian Pendidikan Malaysia telah diberikan peruntukan sebanyak RM15juta bagi menaik taraf kemudahan mesra OKU di sekolah seperti susur tangan, susur landai, tandas OKU dan tempat letak kenderaan OKU. Pengubahsuaian ini melibatkan 186 buah sekolah, yang dipilih berdasarkan Sistem Maklumat Pengurusan Sekolah (EMIS).

NO SOALAN: 21

8. Kementerian Pengajian Tinggi turut menerima peruntukan sebanyak RM15 juta bagi menaiktaraf infrastuktur skop mesra OKU melibatkan 19 universiti awam dengan peruntukan berjumlah RM11juta, RM3.61juta untuk 13 buah politeknik dan RM0.39juta untuk 11 buah kolej komuniti.

9. Kerjasama yang bersepadu daripada semua pihak meliputi Jabatan dan agensi Kerajaan dalam menyediakan kemudahan mesra OKU dapat meningkatkan mobiliti dan kualiti hidup golongan OKU supaya lebih produktif dan inklusif dalam masyarakat.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 6 DISEMBER 2023**

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan pencapaian dalam membekalkan bekalan air di luar bandar, menaik taraf jalan di kampung dan desa, memasang dan menyelenggarakan lampu jalan kampung di negeri Terengganu sejak tahun 2018 sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, daripada tahun 2018 hingga tahun 2023, sebanyak 21 projek Jalan Luar Bandar (JALB) telah diluluskan untuk negeri Terengganu dengan kos projek berjumlah RM970.3 juta. Daripada keseluruhan 21 projek JALB tersebut, sebanyak 2 projek telah berjaya disiapkan, 10 projek dalam peringkat pembinaan dan 9 projek lagi dalam peringkat pra-pembinaan. Berdasarkan pelaksanaan 21 projek JALB ini juga, Kementerian mensasarkan 88 kilometer jalan luar bandar dapat disediakan apabila projek-projek ini siap kelak. Selain itu, dalam tempoh tahun 2018 hingga 2023 juga, peruntukan sebanyak RM89 juta bagi projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) telah disediakan oleh Agensi Pusat untuk negeri Terengganu bagi pelaksanaan baik pulih, naik taraf dan bina baharu jalan-jalan kampung tersebut.

Bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), semenjak tahun 2018 sebanyak sembilan (9) projek telah diluluskan bagi Negeri Terengganu dengan kos keseluruhan berjumlah RM99.559 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak dua (2) projek adalah dalam pembinaan, satu (1) projek dalam proses tender manakala baki enam (6) adalah dalam proses reka bentuk/ pra pembinaan. Sebanyak dua (2) projek BALB yang diluluskan dari tahun 2016 dan 2017 telah siap di antara tahun 2018-2020 dengan kos projek sebanyak RM13.0 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM112.559 juta.

Projek BALB ini melibatkan skop peluasan bekalan air kepada kawasan luar bandar/ kampung di seluruh daerah di Negeri Terengganu sama ada melalui sistem retikulasi, pembinaan baharu atau naik taraf tangki agihan, rumah pam dan juga loji rawatan air.

Manakala untuk lampu jalan kampung (LJK), daripada tahun 2018 sehingga kini sebanyak 2,756 unit LJK telah dipasang di negeri Terengganu. Kementerian juga pada masa ini sedang melaksanakan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2022 Semenanjung Malaysia dan Sabah yang memasuki Fasa-11 dengan tempoh pelaksanaan selama 18 bulan yang bermula pada 30 Mei 2023 dan dijangka tamat pada 29 November 2024 melibatkan pemasangan lampu jenis *light emitting diode* (LED) 75watt. Melalui projek ini, sebanyak 704 unit LJK telah diperuntukkan bagi negeri Terengganu dan pemasangan akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga projek ini selesai.

Selain itu, Kementerian turut membayar kos operasi dan penyenggaraan kepada Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi Semenanjung Malaysia secara bulanan mengikut kadar yang ditetapkan bagi setiap lampu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A. ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bentuk galakan yang akan disediakan buat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seluruh negara bagi mewujudkan Klinik Bantuan Guaman seperti yang dilaksanakan oleh Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi MARA (UITM) Kampus Shah Alam yang menyediakan khidmat nasihat perundangan kepada umum secara *pro bono*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan misi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara, KPT sentiasa memberi galakan kepada IPTA dalam apa juga perkara selagi mana ia dapat memenuhi aspirasi negara dan yang terutamanya dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.
2. Dalam hal ini, Klinik Bantuan Guaman Fakulti Undang-Undang (KBG UiTM) telah ditubuhkan selaras dengan misi tersebut.
3. KBG UiTM ditubuhkan bagi memberikan khidmat nasihat undang-undang percuma kepada kakitangan dan para pelajar Universiti Teknologi MARA serta orang awam sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial dan khidmat masyarakat pihak Fakulti.
4. KBG UiTM dikendalikan oleh para pensyarah Fakulti Undang-Undang yang berpengalaman dengan bantuan para pelajar Fakulti Undang-Undang khususnya pelajar tahun akhir.
5. KBG UiTM berusaha untuk menjadi pusat nasihat dan perundingan undang-undang yang terkemuka di Malaysia, sebagai sumbangan dalam memastikan akses kepada nasihat perundangan kepada semua lapisan masyarakat.

6. Selain KBG UiTM, terdapat juga beberapa universiti awam yang telah menubuhkan KBG antaranya seperti berikut:
- i. Klinik Bantuan Guaman, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya (KBGUM);
 - ii. IIUM Legal Aid Services (LAS), Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM);
 - iii. Klinik Literasi dan Bantuan Guaman (KLBG), Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
 - iv. Klinik Hukum Syarak dan Guaman Syarie, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM;
 - v. Klinik Bantuan Guaman Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
 - vi. Baitul Qanun, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA); dan
 - vii. Pusat Bantuan Guaman, Pusat Pengajian Undang-undang (SOL), Universiti Utara Malaysia (UUM).
7. Dalam hal ini, Kementerian akan meneliti bentuk galakan yang akan disediakan buat IPTA seluruh negara bagi mewujudkan KBG sekiranya bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah berlaku pengurangan atau pertambahan berkenaan banciaan kadar kemiskinan untuk Ketua Isi Rumah (KIR) masyarakat Orang Asli dalam tempoh 2010 hingga 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) nasional yang digunapakai pada tahun 2010 adalah PGK 2009 iaitu RM763. Manakala, PGK yang digunapakai ketika ini adalah berdasarkan metodologi PGK tahun 2019 iaitu RM2,208 sebulan bagi setiap isi rumah, manakala RM1,169 bagi isi rumah miskin tegar. Sepanjang tempoh 2020 hingga 2023, paras kadar peningkatan kemiskinan bagi masyarakat Orang Asli didapati meningkat di mana ianya sejajar dengan peningkatan PGK ini.

Kadar kemiskinan bagi Ketua Isi Rumah (KIR) Masyarakat Orang Asli pada tahun 2010 adalah sebanyak 31.1 peratus (36,658 KIR). Manakala PGK 2019 digunapakai pada tahun 2023 dan kadar kemiskinan bagi KIR Orang Asli adalah sebanyak 89.7 peratus (55,111 KIR).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah atau strategi yang telah diambil oleh Kementerian dalam memastikan pengguna yang telah membeli tiket penerbangan MyAirline dipulangkan dengan kadar segera dan apakah yang akan berlaku kepada pekerja-pekerja MYAirline yang telah kehilangan pekerjaan dan juga gaji yang tertunggak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, MYAirline Sdn. Bhd. (MYAirline) telah menggantung operasinya pada 12 Oktober 2023. Berdasarkan data terkini yang diterima daripada MYAirline, penggantungan operasi ini telah menjejaskan 117,461 penumpang yang telah pun membeli tiket penerbangan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut bagi tujuh (7) laluan domestik dan dua (2) laluan antarabangsa iaitu Kuala Lumpur-Pulau Pinang, Kuala Lumpur-Kota Bharu, Kuala Lumpur-Langkawi, Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, Kuala Lumpur-Tawau, Kuala Lumpur-Kuching, Kota Kinabalu-Tawau dan Kuala Lumpur-Suvarnabhumi (Bangkok) dan Kuala Lumpur-Don Mueang (Bangkok), Thailand. Jumlah harga tiket yang telah dijual sehingga bulan Mac 2024 adalah sebanyak RM 22,090,184.
2. Tindakan MYAirline yang menggantung operasinya dibuat secara tiba-tiba tanpa sebarang notis diberikan kepada penumpang serta kepada Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).
3. Berhubung dengan bantuan kepada pelanggan yang terkesan ekoran penggantungan operasi MYAirline, MAVCOM akan memastikan semua aduan terhadap MYAirline diambil tindakan dan diselesaikan seperti mana yang ditetapkan di bawah Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) yang telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2016.

4. Berdasarkan Perenggan 12 MACPC, para penumpang yang terjejas hendaklah ditawarkan bayaran balik (*refund*) dalam masa 30 hari pada harga yang dibeli termasuk cukai dan fi, bagi sebahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilaksanakan.

5. Pihak MAVCOM sedang memantau situasi ini dengan rapat dan akan memastikan semua aduan serta isu yang dibangkitkan oleh penumpang yang terjejas disebabkan penggantungan operasi MYAirline dapat diselesaikan sepenuhnya. MYAirline telah memberi jaminan kepada MAVCOM bahawa mereka akan menunaikan kewajipan untuk membuat bayaran balik kepada penumpang yang terjejas.

6. Selain itu, pihak MAVCOM juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak Bank Negara Malaysia berkenaan isu pembayaran balik kepada pelanggan yang terjejas dalam hal ini. Dalam hal ini, pihak Bank Negara Malaysia telah mengesahkan bahawa bagi penumpang yang telah membeli tiket melalui kad kredit, kad debit dan "*direct debit*" (FPX), penumpang boleh menuntut pembayaran balik melalui proses caj balik (*chargeback*) dengan menghubungi bank atau pengeluar kad debit atau kad kredit mereka.

7. Di samping itu juga, bagi pengguna yang membeli tiket penerbangan dengan ejen pelancongan dan ejen pelancongan dalam talian, bayaran balik adalah tertakluk kepada terma dan syarat tiket penerbangan yang ditempah melalui ejen pelancongan. Bagi penumpang yang telah membeli insurans perjalanan MYAirline, penumpang boleh menyemak dengan Zurich Malaysia, penyedia insurans perjalanan MYAirline mengenai terma dan syarat insurans perjalanan yang telah dibeli. Zurich Malaysia juga menawarkan pembayaran muhibah bagi mereka yang telah membeli insurans perjalanan dengan mereka.

8. Bagi pekerja-pekerja MYAirline yang kehilangan pekerjaan dan mempunyai gaji tertunggak, perkara ini sedang diteliti oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Pekerja yang terjejas disebabkan oleh penggantungan operasi MYAirline dijangka menerima manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan manfaat Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), tertakluk kepada penelitian dan semakan oleh pihak PERKESO. Setakat ini, PERKESO telah menerima permohonan SIP daripada 533 orang pekerja MYAirline dan 277 orang telahpun diluluskan permohonan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK HAJI AZIZ BIN ARIFFIN minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah terdapat sebarang penglibatan dari koperasi-koperasi yang berkaitan dengan sektor agromakanan bagi membantu negara menghadapi krisis bekalan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) komited dalam membantu usaha Kerajaan untuk menjamin bekalan makanan dalam negara melalui penglibatan koperasi dalam sektor agromakanan. Sehingga 31 Oktober 2023, sebanyak 172 koperasi telah terlibat secara khusus dalam sektor agromakanan yang meliputi aktiviti penternakan, perikanan, tanaman dan pembekalan input pertanian.

2. Sebagai usaha untuk meningkatkan penglibatan dan sumbangan koperasi dalam sektor agromakanan, KUSKOP melalui SKM telah mengambil inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) pembiayaan Modal Pusingan Agromakanan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100 juta. Koperasi yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM3 juta bagi mengembang atau memperluaskan projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama (*upstream*), pemprosesan atau pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain. Bagi tempoh dari 1 Ogos 2022 hingga 31 Oktober 2023, sebanyak 6 koperasi telah diluluskan pembiayaan yang berjumlah RM1.4 juta;

- (ii) Geran Bantuan Pembangunan sehingga RM300,000 kepada koperasi yang berkeelayakan bagi mengukuh dan mengembangkan aktiviti perniagaan koperasi termasuk aktiviti pertanian. Dari tahun 2021 hingga 31 Oktober 2023, sebanyak 124 koperasi dalam sektor agromakanan telah menerima geran bantuan bernilai RM6.18 juta.

3. Selain itu, Federasi Koperasi Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia Berhad juga telah ditubuhkan dengan keanggotaan sebanyak lima (5) koperasi. Pihak federasi tersebut kini sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak berkaitan bagi melaksanakan projek-projek pertanian yang boleh membantu dalam menyediakan bekalan makanan mentah negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA
TARIKH : 6 DISEMBER 2023**

DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) langkah-langkah yang perlu diambil dalam memastikan pengurusan syarikat berkaitan dengan Kerajaan (GLC) serta syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dapat meningkatkan prestasi pelaburan dan syarikat milik Kerajaan; dan
- b) bagaimana Kerajaan menetapkan had risiko dan rosot nilai pasaran yang kecil agar prestasi dan pulangan cukai kepada Kerajaan menjadi lebih bermakna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) kekal relevan dalam menyokong agenda pembangunan negara. Bagi meningkatkan prestasi pelaburan dan syarikat milik Kerajaan, Kerajaan memberi penekanan kepada aspek pengukuhan tadbir urus GLIC dan GLC. Dalam hal ini, Prinsip Tadbir Urus Baik bagi Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (PGG) yang dilancarkan pada 14 April 2022 merupakan dokumen rujukan asas bagi tadbir urus dan amalan kemampanan GLIC.

PGG menggariskan tiga prinsip utama iaitu kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah, pengukuhan komposisi Lembaga Pengarah yang berkelayakan dan berwibawa serta pengendalian pelaburan secara telus. Rangka kerja tadbir urus yang utuh dilihat mampu mengurangkan risiko kewangan dan bukan kewangan serta membantu GLIC dan GLC membuat keputusan pelaburan secara bertanggungjawab dan berkesan.

Dalam memastikan pelaburan oleh GLIC dan pengendalian operasi syarikat oleh GLC mencapai mandat dan sasaran yang ditetapkan, Kerajaan menekankan supaya pelantikan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan dibuat berasaskan kecekapan dan kriteria yang objektif, merit serta mengambil kira kepakaran dan pengalaman yang diperlukan oleh syarikat. Pengukuhan keupayaan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan secara berterusan serta amalan budaya berasaskan prestasi dalam kalangan GLIC dan GLC juga berupaya menyumbang ke arah

peningkatan prestasi syarikat dan penjanaan pulangan pelaburan secara mampan.

Bagi syarikat-syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) (MKD), selaku pemegang saham, MKD sentiasa memantau prestasi syarikat MKD termasuk pencapaian kewangan dan bukan kewangan. Antara langkah-langkah pemantauan utama yang dijalankan oleh MKD adalah:

- a) Pembentangan pelan perniagaan syarikat secara tahunan;
- b) Penetapan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) syarikat dan laporan pencapaian KPI setiap suku tahun; dan
- c) Pelaporan Penyata Kewangan Beraudit Tahunan dan setiap suku tahun.

Sebagai pemegang saham, MKD juga menilai prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan syarikat secara tahunan berdasarkan KPI yang ditetapkan. Perkara ini diambil kira bagi pelanjutan tempoh perkhidmatan Pengerusi dan pengurusan atasan serta Ahli Lembaga Pengarah syarikat MKD bagi memastikan hanya bakat yang terbaik berada dalam syarikat MKD.

Berhubung penetapan had risiko dan pengurangan rosot nilai atau peningkatan nilai pasaran bagi pelaburan oleh GLIC dan GLC, langkah-langkah utama yang dilaksanakan oleh GLIC dan GLC adalah seperti berikut:

NO SOALAN: 27

- a) penetapan sistem kawalan dalaman yang kukuh termasuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko pelaburan secara cekap dan berkesan. Penilaian risiko dilaksanakan secara menyeluruh bagi menetapkan had risiko yang berpadanan dengan objektif pelaburan dan strategi pelaburan yang sejajar dengan tahap risiko yang ditetapkan;
- b) kajian semula dan kemas kini sistem kawalan dalaman dari semasa ke semasa untuk diselaraskan dengan perubahan dinamik dalam persekitaran perniagaan atau profil risiko yang dihadapi;
- c) pelaksanaan pelaburan mengikut dasar dan garis panduan pelaburan yang berkuatkuasa;
- d) pengurusan portfolio secara cekap dan berkesan termasuk diversifikasi portfolio pelaburan dan penggunaan instrumen pelindung (*hedging*) untuk mengurangkan risiko pelaburan. Pelaburan juga dilaksanakan dalam pelbagai kelas aset dan sektor bagi mengimbangi risiko secara keseluruhan; dan
- e) pelaksanaan tanggungjawab pengawasan pelaburan melalui pemantauan pasaran secara berterusan dan respons pantas ke atas setiap perubahan dalam pasaran bagi mengurangkan kesan rosot nilai pasaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HAJI
IBRAHIM
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HAJI IBRAHIM minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapa jumlah kes penganiayaan dan penderaan terhadap kanak-kanak sehingga September 2023 dan apakah kaedah alternatif dari Kementerian mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penderaan ke atas kanak-kanak dibahagikan kepada tiga (3) kategori utama iaitu penderaan fizikal, seksual dan emosi. Berdasarkan statistik tahun 2023 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sehingga Ogos 2023, JKM telah mengendalikan sebanyak 1,240 kes penderaan fizikal, 73 kes penderaan emosi dan 1,603 kes penderaan seksual terhadap kanak-kanak. Pada masa yang sama, JKM juga telah mengendalikan sebanyak 1,530 kes pengabaian, 156 kes dibuang/ tiada ibu bapa dan lain-lain sebanyak 614 kes.
2. Terdapat pelbagai faktor yang mendorong berlakunya penderaan. Antaranya ialah penyalahgunaan dadah, pengaruh alkohol, masalah hubungan dalam keluarga, kesihatan mental atau emosi dan lain-lain lagi.
3. Secara amnya, kes penderaan kanak-kanak boleh terjadi ketika kanak-kanak berada dalam jagaan ahli keluarga sendiri dan ketika kanak-kanak berada dalam jagaan orang lain seperti pengasuh, sama ada di rumah, pusat jagaan mahupun TASKA.
4. Sebagai langkah untuk mengurangkan risiko penderaan kanak-kanak dan meningkatkan pengetahuan umum terhadap hak dan keselamatan kanak-kanak, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi JKM telah menggariskan beberapa penambahbaikan untuk melaksanakan, antaranya, perkara-perkara berikut:

NO SOALAN: 28

- i. Memperkemas pasukan penguatkuasaan dan penambahan Pelindung melalui inisiatif penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK);
- ii. mengaktifkan peranan komuniti seperti Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK), Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) dalam membantu JPKK melaksanakan pelbagai program pencegahan, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat masyarakat setempat;
- iii. Memperketat peraturan dan garis panduan pemasangan CCTV di TASKA serta proses saringan untuk pengambilan pengasuh di TASKA dan pusat jagaan;
- iv. Menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa;
- v. Program kesedaran hukuman ke atas pendera kanak-kanak;
- vi. Memperkasakan komuniti serta kanak-kanak itu sendiri menerusi Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: "*Kasih Kanak-Kanak*" di sekolah-sekolah serta Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) bagi mendidik kanak-kanak untuk bertindak sekiranya berhadapan dengan situasi penderaan atau pengabaian;
- vii. Melantik lebih ramai Pembantu Pelindung sebagai barisan hadapan bagi menyelamatkan dan memberikan perlindungan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak; dan

viii. Menjalinkan kolaborasi strategik bersama agensi Kerajaan dalam memperkasakan penglibatan ketua masyarakat untuk menjadi mata dan telinga di peringkat komuniti.

5. Usaha untuk mengurangkan risiko dan bilangan kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta isu berkaitan keselamatan kanak-kanak secara amnya, adalah harus dipikul bersama oleh semua pihak. Ini termasuklah pihak Kerajaan, komuniti serta individu. Sifat ambil tahu, ambil cakna dan peka dengan keadaan dan keperluan kanak-kanak disekeliling perlu disemai dikalangan masyarakat kita agar bukan sahaja dapat memastikan kemaslahatan yang baik untuk kanak-kanak, malah turut boleh mengeratkan perpaduan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan jumlah sekatan yang dikenakan terhadap berita portal dan stesen televisyen yang digantung lesen dan operasi pada tahun 2018, 2019, 2020, 2021, 2022 dan 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun kebebasan bersuara tidak membawa maksud seseorang individu boleh membuat tohmahan, fitnah, mengeluarkan kata-kata kesat atau kebencian terhadap institusi raja mahupun memperlekehkan agama atau berbaur perkauman.

MCMC menjalankan tanggungjawab dan fungsi-fungsinya berdasarkan peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Salah satu tanggungjawab perundangan utama MCMC adalah memastikan platform dalam talian tidak diguna pakai untuk sebarang pelakuan atau percubaan melakukan pelanggaran di bawah undang-undang bertulis Malaysia. MCMC mempunyai autoriti dan kewajipan untuk mengambil tindakan kawal selia terhadap penyebaran maklumat palsu, kandungan jelik, mengancam dan berunsur fitnah.

Bagi tempoh antara tahun 2019 sehingga 15 November 2023, sejumlah empat portal berita telah disusuli tindakan penggantungan akses oleh MCMC iaitu satu portal berita pada tahun 2022 dan tiga portal berita pada tahun 2023. Tiada portal berita yang digantung pada tahun 2019, 2020 dan 2021.

NO SOALAN: 29

Tindakan penggantungan akses yang diambil ini tidak bersifat kekal. Ianya boleh ditarik balik dari semasa ke semasa tertakluk kepada kerjasama pihak pengendali portal di dalam menghentikan penyebaran kandungan yang negatif atau memudaratkan, termasuklah apa-apa kandungan yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di Malaysia.

Sepanjang tempoh tersebut juga, tiada sebarang penggantungan lesen dibuat oleh MCMC bagi stesen penyiaran termasuklah stesen televisyen dan radio. Tindakan yang diambil oleh MCMC selaras tanggungjawab di bawah Akta 588 bukanlah untuk menyekat kebebasan media tetapi bagi memastikan penyebaran maklumat dilakukan secara bertanggungjawab dan tanpa menyebarkan fitnah ataupun maklumat yang kurang tepat, ucapan berbaur kebencian, serta melindungi integriti raja berperlembagaan dan institusi demokrasi dengan penghormatan daripada sebarang percubaan untuk mencetuskan kebencian atau penghinaan.

Pengamal media serta saluran berita dinasihatkan untuk merujuk kepada Kod Kandungan yang memberi panduan jelas berhubung standard kandungan yang selaras dengan Akta 588. Dengan mematuhi Kod Kandungan, pengamal media dapat memastikan pelaporan yang bertanggungjawab selain mengelakkan daripada melangkaui batas kebebasan bersuara. Garis panduan yang digariskan dalam Kod Kandungan menggalakkan pendekatan bertanggungjawab dalam peruntukan kandungan dan prosedur kawalan sendiri. Pendekatan ini bertujuan untuk memupuk kreativiti, inovasi, dan pertumbuhan sihat dalam industri. Dengan mengikuti garis panduan tersebut, saluran-saluran berita boleh menyumbang kepada suatu wacana yang lebih

NO SOALAN: 29

seimbang dan termaklum, bebas daripada sebarang manipulasi dan maklumat yang kurang tepat.

MCMC turut mengambil inisiatif untuk mengadakan beberapa sesi dialog dan libat urus bersama organisasi media bagi membincangkan isu-isu yang berbangkit. Inisiatif-inisiatif ini dilaksanakan secara berterusan sebagai suatu langkah inklusif agar secara bersama dapat mewujudkan persekitaran digital yang lebih positif, harmoni, dan kondusif untuk semua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah agensi pekerjaan swasta yang berdaftar di bawah Kementerian dan apakah peranan serta tanggungjawab agensi-agensi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Agensi Pekerjaan Swasta merupakan sebuah syarikat yang diberi lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) untuk melakukan aktiviti merekrut iaitu menjadi pengantara antara majikan dan pencari kerja termasuk aktiviti pengiklanan untuk menawarkan atau mendapatkan pekerjaan bagi seseorang pencari kerja atau menawarkan untuk mencari pekerja atau mendapatkan pekerja bagi seseorang majikan.

2. Terdapat 3 kategori lesen Agensi Pekerjaan Swasta seperti berikut:
 - i. **Lesen A** untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam Malaysia;
 - ii. **Lesen B** untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia dan pekhidmat domestik asing di dalam Malaysia; dan
 - iii. **Lesen C** untuk penempatan pekerjaan bagi pencari kerja di dalam dan di luar Malaysia dan pekerja bukan warganegara di dalam Malaysia.

3. Sehingga **31 Oktober 2023**, terdapat sebanyak 1,129 Agensi Pekerjaan Swasta yang mempunyai lesen yang aktif dengan pecahan, 239 Agensi Pekerjaan Swasta Lesen A, 294 Agensi Pekerjaan Swasta Lesen B dan 596 Lesen C. Senarai Agensi Pekerjaan Swasta berlesen ini boleh disemak dan didapati melalui portal rasmi Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia iaitu www.jtksm.mohr.gov.my.

4. Syarat-syarat bagi permohonan lesen Agensi Pekerjaan Swasta yang telah ditetapkan di bawah seksyen 9 (1) Akta 246 seperti berikut:

- a. Pemohon ialah sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777):
 - i. dengan modal berbayar minimum sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta 246; dan
 - ii. sekurang-kurangnya 51 peratus daripada jumlah keseluruhan syer syarikat itu dipegang oleh warganegara Malaysia.

- b. Pengarah syarikat yang dinamakan dalam borang permohonan yang bertanggungjawab ke atas hal ehwal Agensi Pekerjaan Swasta:
 - i. seorang warganegara Malaysia;
 - ii. bukanlah seorang bankrap yang belum dilepaskan; dan
 - iii. tidak disabitkan atas apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubung dengan antipemerdagangan orang dan buruh paksa.

- c. Mempunyai premis Agensi Pekerjaan Swasta yang sesuai untuk menjalankan aktiviti merekrut sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; dan

- d. Nama syarikat yang didahului dengan perkataan “Agensi Pekerjaan”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bersedia dan mempunyai kepakaran untuk menilai kursus-kursus terkini yang melibatkan Revolusi Industri 5.0 / kecerdasan buatan (AI) kerana difahamkan bahawa terdapat pemohon Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan akreditasi sementara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) sentiasa menggalakkan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) menawarkan program-program terkini dan berinovasi bagi memastikan program-program tersebut adalah berkualiti dan bertepatan dengan keperluan industri semasa.
2. Untuk makluman, terdapat 11 program pelbagai peringkat kelayakan secara khususnya merujuk kepada *Artificial Intelligence* (AI) yang ditawarkan oleh 10 buah IPT yang berdaftar telah mendapat kelulusan Akreditasi Sementara.
3. Manakala sebanyak enam (6) program dalam bidang *Artificial Intelligence* (AI) dari enam buah IPT termasuk Universiti berstatus Swaakreditasi telah diberikan Akreditasi Penuh oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*, MQA) dan disenaraikan di *Malaysian Qualifications Register* (MQR).
4. Dalam pada itu, melalui standard pengkomputeran MQA, kompetensi pelajar dalam membangunkan sistem *Artificial Intelligence* (AI) didedahkan melalui penawaran program yang melibatkan bidang Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Sains Data. Justeru itu, secara tidak langsung sebanyak 464 program Akreditasi Penuh dan 51 program Akreditasi Sementara bagi bidang program Sains

NO SOALAN: 31

Komputer, Kejuruteraan Perisian dan Sains Data yang ditawarkan oleh PPT tempatan.

5. Berhubung kenyataan berkaitan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) yang terpaksa menunggu lama bagi mendapatkan akreditasi sementara, Piagam Pelanggan MQA telah menetapkan bahawa, proses penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh mengambil masa selama 9 minggu bagi setiap program bermula daripada dokumen lengkap.
6. Tempoh tersebut diperlukan bagi membolehkan semua kriteria dapat dinilai dengan teliti dan ia telah dipatuhi sepenuhnya oleh pemohon.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana Dasar Mineral Negara yang dirangka bergerak selari dengan Dasar Perhutanan Negara dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan bagi memelihara alam sekitar, hidupan liar dan Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerangka Dasar Mineral Negara 3 (DMN 3) adalah kesinambungan kepada Dasar Mineral Negara 1 (1992) dan Dasar Mineral Negara 2 (2009) yang telah dibangunkan sebelum ini. Kerangka DMN 3 ini dibangunkan bagi menambah baik dasar sedia ada dan menyokong pembangunan keseluruhan rangkaian nilai industri mineral bagi menjana sumber ekonomi baharu melalui perlombongan secara bertanggungjawab dan mampan.

2. Kementerian telah melihat dan meneliti dasar-dasar sedia ada yang berkaitan semasa membangunkan DMN3 termasuk Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 (DKBK) dan Dasar Perhutanan Malaysia (DPM). Hal ini bagi memastikan dasar yang sedang dibangunkan ini tidak mendatangkan impak negatif yang ketara kepada usaha pemeliharaan alam sekitar dan kepelbagaian biologi negara dan seterusnya dapat memelihara kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat. Perkara-perkara ini menjadi antara elemen yang diberikan penekanan dalam perancangan dan pelaksanaan pengurusan dan pembangunan industri mineral.

3. Mengambil kira elemen pemeliharaan dan pemuliharaan hutan dan biodiversiti negara seperti yang dinyatakan dalam dasar-dasar tersebut, Kementerian telah menetapkan sasaran strategik untuk membangunkan dasar yang dapat memandu pengurusan industri mineral negara ke arah mencapai pembangunan secara bertanggungjawab dan mampan. Salah satu sasaran strategik yang

telah ditetapkan dalam kerangka DMN 3 ialah memastikan industri mineral dibangunkan secara mampan dan bertanggungjawab selaras dengan komitmen negara terhadap sasaran di bawah Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) yang bermatlamat untuk mencapai pembangunan mampan merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar.

4. Selain itu, Kementerian juga menetapkan elemen penekanan kepada prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) sebagai salah satu teras dalam DMN 3. Hal ini bagi menyokong pembangunan industri mineral yang bukan sahaja memberi pulangan ekonomi tetapi mewujudkan pengurusan sumber mineral yang bertanggungjawab, mampan malah seimbang dengan aspek penjagaan alam sekitar dan pemeliharaan biodiversiti negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah insentif sumbangan RM500.00 bagi pencarum yang memiliki jumlah kurang RM10,000.00 dalam akaun 1 sebagaimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 telah dilaksanakan serta berapa ramai pencarum yang telah menerima manfaat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam ucapan Belanjawan 2023, antara inisiatif yang telah diumumkan oleh kerajaan adalah kepada ahli yang berumur antara 40 hingga 54 tahun dengan simpanan KWSP kurang 10 ribu ringgit, Kerajaan bersetuju untuk menambah caruman simpanan KWSP Akaun 1 mereka sebanyak 500 ringgit. Program ini akan memberi manfaat kepada hampir 2 juta ahli KWSP melibatkan peruntukan hampir 1 billion ringgit.

Berdasarkan semakan yang dibuat oleh KWSP, sejumlah RM709 juta akan disalurkan kepada lebih 1.4 juta pencarum KWSP. Mengambil kira jumlah sebenar telah disahkan oleh KWSP, maka urusan yang berkaitan pembayaran kepada KWSP dijangka akan dibuat sebelum akhir tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kutipan dana di sekolah-sekolah dalam pelaksanaan Minggu Solidariti Palestin serta apakah impak program ini kepada pendidikan anak-anak di sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa cakna dan proaktif dalam memberikan pendidikan secara menyeluruh kepada semua murid. Sehubungan dengan itu, kurikulum yang dibangunkan oleh KPM juga menekankan Pendidikan Kewarganegaraan Global dalam memupuk generasi muda berkaitan isu global semasa. Pendidikan Kewarganegaraan Global boleh membantu murid-murid di sekolah untuk hidup bersama dalam suasana harmoni, bertanggungjawab membina rasa hormat dan empati kepada orang lain, boleh memberi inspirasi, serta mampu bertindak secara positif. KPM juga sentiasa memastikan sistem pendidikan kita selari dengan agenda pendidikan global khususnya Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG4).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan Minggu Solidariti Palestin bermula pada 29 Oktober hingga 3 November 2023. Program ini melibatkan semua institusi pendidikan bawah KPM iaitu sekolah, kolej vokasional, kolej matrikulasi dan institut pendidikan guru seluruh negara. Jumlah kutipan sumbangan daripada seluruh warga KPM adalah sebanyak RM10,868,656.22.

KPM sentiasa berusaha untuk memupuk nilai kemanusiaan dan mencintai keamanan dalam kalangan murid agar sentiasa cakna dan responsif terhadap isu semasa.

Sehubungan dengan itu, program ini diyakini akan memberi impak positif memupuk kesedaran dan keinsafan terhadap kepentingan keamanan sejagat. Program ini juga mampu mendidik murid untuk menghormati hak asasi manusia dan prihatin terhadap penderitaan atau keperluan orang lain tanpa mengira latar bangsa, agama dan negara. Di samping itu, program ini berupaya menanamkan rasa syukur dengan nikmat keamanan yang dikecapi dalam negara kita yang dicintai. Hasrat murni pelaksanaan program ini dapat mengangkat nilai kesejahteraan, hormat dan ihsan yang merupakan sebahagian daripada pendekatan Malaysia MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah butiran proses permohonan kewarganegaraan yang kini hanya mengambil masa 14 hari seperti yang telah diumumkan. Sila nyatakan bahagian atau jawatankuasa yang terlibat di setiap peringkat. Adakah proses ini telah mengambil kira situasi di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang memilih untuk tidak mengambil borang permohonan.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Pengesahan Akuan Rekod Tapisan (SPART) telah dilancarkan dalam Majlis Sambutan Jubli Intan 75 Tahun Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada 25 Oktober 2023. Sistem ini merupakan satu inisiatif penambahbaikan JPN bersama rakan strategik Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertujuan untuk mempercepatkan proses tapisan keselamatan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1), 16 dan 19 Perlembagaan Persekutuan.

Dengan pelaksanaan sistem ini, tempoh masa memproses tapisan keselamatan dapat dikurangkan daripada **73 hari sebelum ini kepada hanya 14 hari sahaja** bagi proses yang melibatkan perakuan keselamatan daripada pihak PDRM. Selain itu, sistem ini juga dapat memudahkan proses semakan, pemantauan dan mempercepatkan pemakluman keputusan PDRM kepada JPN. Justeru itu, selepas selesai proses tapisan keselamatan, permohonan akan diproses mengikut prosedur sedia ada bagi pertimbangan dan keputusan tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah - Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN
MD RAMLI
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah- langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan amalan terbaik bagi rekaan, binaan dan pengurusan bangunan dengan menggunakan seni bina dan teknologi yang cekap untuk memaksimumkan penggunaan cahaya dan pengudaraan semula jadi dan mengurangkan penggunaan pencahayaan elektrik dan sistem penghawa dingin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia telah menerbitkan satu garis panduan iaitu *Guidelines For Energy Efficiency in Building* pada Disember 1989 sebagai panduan kepada sektor pembinaan untuk membangun dan mengoperasikan bangunan secara cekap tenaga. Pada tahun 2001, garis panduan ini telah dijadikan Standard Malaysia, MS1525 – *Code of Practice on Energy Efficiency and Use of Renewable Energy for Non-residential Buildings*.
2. Satu projek demonstrasi *Low Energy Office (LEO) Building* iaitu bangunan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air di Parcel E, Putrajaya menggunakan piawaian MS1525 telah dibina pada tahun 2004 dan berjaya mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 55% berbanding bangunan biasa. Susulan daripada projek tersebut, Kementerian telah mengadakan pelbagai aktiviti komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) terutamanya melibatkan pemegang taruh dalam sektor pembinaan. Hasil daripada libat urus yang berterusan, beberapa agensi Kerajaan pada masa ini seperti Suruhanjaya Tenaga (ST), SEDA Malaysia dan Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai kepakaran dan menawarkan khidmat nasihat teknikal berkenaan aspek reka bentuk dan pengoperasian bangunan cekap tenaga.

3. Bagi menggalakkan lagi pelaksanaan dan penerapan elemen cekap tenaga, Kerajaan juga telah menawarkan *Energy Audit Conditional Grant* (EACG) sehingga tahun 2025 kepada pemilik bangunan komersial untuk pelaksanaan audit tenaga dan mengenal pasti teknologi serta kaedah penjimatan tenaga bagi menjadikan sesebuah premis tersebut sebagai bangunan cekap tenaga. Selain itu, NRECC menerusi Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) juga telah membangunkan Garis Panduan Amalan Industri Hijau Sektor Pembinaan, merangkumi pengukuran enam (6) indikator utama iaitu penggunaan bahan, pengurusan sisa, penggunaan air, penggunaan tenaga, inovasi dan pengurusan.

4. Pembangunan garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan bagi pelaksanaan amalan mampan dan penggunaan teknologi hijau dalam kalangan pemain industri tempatan khususnya bagi sektor pembinaan. Di samping itu, bagi menggalakkan penawaran produk-produk hijau seperti peralatan cekap tenaga di pasaran tempatan, MGTC melaksanakan program penarafan label MyHIJAU Mark sebagai pelabelan utama bagi produk-produk yang mendapat pengiktirafan dan piawaian hijau di Malaysia. Produk berlabel MyHIJAU Mark akan disenaraikan dalam MyHIJAU Directory yang digunakan sebagai rujukan utama bagi pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (*Government Green Procurement* - GGP) dan penilaian bagi insentif Elaun Cukai Pelaburan Hijau (*Green Investment Tax Allowance* - GITA) Aset.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Bandar Rendah Karbon dan Berdaya Tahan Perubahan Iklim sebagai rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan *Principal Submitting Person*.

6. GPP tersebut menggariskan langkah-langkah mitigasi dan adaptasi perubahan iklim dalam aspek perancangan spatial dan reka bentuk bangunan. Salah satu strategi yang digariskan dalam GPP tersebut adalah penyediaan infrastruktur berdaya tahan bencana dan cekap tenaga berasaskan konsep reka bentuk pasif. Konsep reka bentuk tersebut bertujuan untuk memaksimumkan pencahayaan dan pengudaraan semula jadi dalam sesebuah bangunan, sekaligus mengurangkan keperluan penggunaan peralatan elektrik seperti lampu dan penghawa dingin.

7. Kesimpulannya, perkara ini melibatkan bidang kuasa dan dasar merentas Kementerian iaitu Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Namun demikian, NRECC dan agensi- agensi di bawahnya sentiasa menjalinkan kerjasama erat dengan Kementerian dan pemegang-pemegang taruh sektor pembinaan ke arah menggalakkan pembinaan lebih banyak bangunan cekap tenaga di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUIING JELUING
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO DR. NUIING JELUING minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah cabaran dan isu yang baru untuk dihadapi ke arah pelaksanaan gaji minima untuk pekerja di seluruh negeri serta berapa peratus majikan yang telah mematuhi arahan melaksanakan gaji minima sehingga Disember 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan dalam usaha memastikan majikan mematuhi pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2022 adalah seperti berikut:

- a. Bilangan pegawai pemeriksa yang tidak mencukupi bagi menjalankan pemeriksaan terhadap semua tempat pekerjaan di Malaysia. Berdasarkan Artikel 10 Konvensyen *International Labour Organisation* saranan bagi nisbah pegawai pemeriksa dan bilangan pekerja adalah 1: 20,000. Walau bagaimanapun, nisbah semasa pelaksanaan di Semenanjung Malaysia adalah 1:41,211 yang memerlukan tambahan pegawai pemeriksa. Ini bagi memastikan semua tempat pekerjaan dijalankan pemeriksaan sekerap mungkin bagi memastikan pematuhan undang – undang perburuhan;
- b. Majikan masih tidak membuat pembayaran gaji kepada pekerja kerana pelarasan kadar harga kontrak perolehan Kerajaan masih belum dilaksanakan dan majikan yang terlibat tidak mempunyai kapasiti aliran tunai untuk mendahulukan pembayaran gaji minimum;
- c. Majikan tidak peka bahawa Perintah Gaji Minimum 2022 telah berkuat kuasa; dan

d. Majikan menghadapi masalah kewangan kerana terkesan dengan pasaran dan ekonomi semasa.

2. Mulai **1 Mei 2022 hingga 31 Disember 2022**, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah menjalankan sebanyak **32,425 pemeriksaan** terhadap majikan daripada pelbagai sektor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **407 majikan** didapati **tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022** dan notis pematuhan telah dikeluarkan kepada majikan terbabit.

3. Manakala bagi tahun 2023 pula, **mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Oktober 2023**, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung, Sabah dan Sarawak telah menjalankan sebanyak **37,395 pemeriksaan** terhadap majikan daripada pelbagai sektor. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **533 majikan** didapati **tidak mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022** dan notis pematuhan telah dikeluarkan kepada majikan terbabit.

4. Berdasarkan tindakan pemeriksaan tahun 2022 dan 2023 didapati **98 peratus** majikan telah mematuhi Perintah Gaji Minimum 2022. Mana - mana majikan yang gagal membayar gaji minimum kepada pekerja sebagaimana yang dinyatakan dalam Perintah Gaji Minimum 2022, majikan boleh didenda maksimum sehingga RM10,000.00 bagi setiap pekerja apabila disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ minta **MENTERI**
KERJA RAYA menyatakan apakah kualiti dalam proses pembinaan
jalan dan kerenah birokrasi dalam penyaluran peruntukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi menjamin kawalan kualiti di dalam pembinaan jalan, pihak KKR melalui agensi JKR diwajibkan merujuk kepada *Standard Specification For Road Works, Section 4: Flexible Pavement, JKR/SPJ/2008-S4*.

Antara isi komponen penting dalam spesifikasi ini menyentuh berkaitan rekabentuk, kawalan bahan, mutu kerja, perundangan dan sebagainya. Ini juga adalah selaras dengan Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR Malaysia yang mana pemantauan pembinaan secara menyeluruh telah diadaptasikan di dalam pelaksanaan projek berdasarkan Spesifikasi Jalan terkini, Arahan Teknik Jalan, dokumen kontrak dan lain-lain dokumen teknikal yang lain.

Prosedur ini amat terperinci dan memerlukan komitmen daripada personel pembinaan baik dari JKR Malaysia serta kontraktor untuk pematuhan dan penghasilan kualiti kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dari aspek peruntukan, proses pembayaran dibuat selaras dengan prosedur di dalam SPB di mana pembayaran akan dibuat setelah pasukan projek JKR Malaysia berpuas hati dengan kualiti kerja dan selaras dengan prosedur kontrak serta tempoh masa bayaran yang wajar. Unjuran keperluan kewangan projek dibincang bersama di antara pasukan projek JKR dan kontraktor pada awal permulaan projek. Unjuran ini dikemukakan kepada Kementerian untuk peruntukan disalurkan kepada JKR selaku agensi pelaksana untuk tujuan pembayaran kemajuan kerja.

NO SOALAN: 39

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi tujuan penyenggaraan terdapat beberapa kriteria dan pertimbangan kejuruteraan dalam penentuan keutamaan bagi lokasi-lokasi kerja penyenggaraan jalan. Lokasi-lokasi tersebut ditentukan berdasarkan tahap dan jenis kerosakan jalan, kadar isipadu kenderaan berat, hieraki jalan, kadar kemalangan, dan kitaran hayat jalan.

Oleh itu, pihak Kementerian Kerja Raya, melalui agensinya iaitu Jabatan Kerja Raya, akan memastikan kontraktor dan syarikat konsesi yang dilantik mengunapakai dan mematuhi semua aspek kawalan kualiti yang telah disebutkan di atas. Ini bagi memastikan jalan raya berada dalam keadaan baik, selamat dan selesa bagi kemudahan pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah inisiatif dan pendekatan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian berikutan kegagalan 90,000 calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 dalam subjek Matematik manakala 52,000 calon lagi tidak lulus dalam subjek Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa laporan analisis keputusan peperiksaan SPM Tahun 2022 menunjukkan sebanyak 14.3 peratus iaitu 52,810 orang calon gagal dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan 24.3 peratus iaitu 89,748 calon gagal dalam mata pelajaran Matematik.

Walau bagaimanapun, gred purata bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik dalam peperiksaan SPM Tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan berbanding peperiksaan SPM Tahun 2021.

Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, gred purata bagi peperiksaan SPM Tahun 2022 adalah 5.13 berbanding 5.23 bagi tahun 2021. Manakala bagi mata pelajaran Matematik, gred purata bagi peperiksaan SPM Tahun 2022 adalah 5.43 berbanding 5.57 bagi tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM sentiasa prihatin terhadap calon yang tidak lulus mana-mana mata pelajaran dalam peperiksaan SPM. Sebagai usaha membantu calon tersebut, KPM menyediakan peluang kepada calon untuk menduduki peperiksaan SPM Ulangan (SPMU) yang dilaksanakan pada setiap tahun. SPMU menawarkan tiga mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Sejarah dan Matematik.

Selain itu, calon juga boleh menduduki peperiksaan SPM sebagai calon persendirian pada tahun-tahun berikutnya. Keputusan ini boleh digabungkan dalam satu sijil peperiksaan sahaja melalui perkhidmatan *patching* sijil peperiksaan SPM yang ditawarkan oleh KPM. Calon yang telah memperoleh sijil SPM kali pertama mulai tahun 2009 layak untuk memohon perkhidmatan ini. Dengan cara ini, calon masih berpeluang untuk mendapatkan sijil SPM atau memperbaiki keputusan mereka bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya atau mencari peluang pekerjaan.

KPM sentiasa komited memastikan pengajaran dan pembelajaran (PdP) diurus dengan berkesan bagi meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid agar murid yang menduduki SPM lulus dalam mata pelajaran yang diambil.

Inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP) yang berfokuskan kepada pengupayaan kumpulan JPN, PPD dan sistem sokongan sekolah telah menjalankan pelbagai program dan siri bengkel yang bertujuan membimbing semua guru sekolah agar dapat merancang intervensi berdasarkan konsep *no one size fits all* melalui analisis data di setiap peringkat sekolah.

Pada tahun 2023, Program Transformasi Daerah telah memberi keutamaan kepada 649 buah sekolah menengah secara berfokus yang melibatkan 34,951 murid. Semua sekolah fokus dapat mengakses profil murid yang lengkap dengan status pencapaian terkini murid dan keputusan Inventori Kecerdasan Pelbagai (IKP) serta dapatan Instrumen Pengelasan Pendekatan Intervensi (IPPI). Setiap sekolah akan dibimbing oleh PPD untuk merangka dan merancang intervensi berdasarkan rumusan profil murid bagi setiap murid dan sekolah.

NO SOALAN: 40

Guru didedahkan dengan kecerdasan pelbagai setiap murid melalui IKP agar dapat merancang proses pembelajaran berdasarkan keperluan murid serta guru juga didedahkan dengan karektor sosial murid melalui IPPI agar dapat memberikan sokongan kepada isu sosial yang sedang dihadapi oleh murid dalam memberi perhatian kepada isu minat, sikap, disiplin, tanggungjawab sosial dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM melalui jabatan pendidikan negeri sentiasa cakna dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memastikan murid yang menduduki SPM lulus dalam mata pelajaran yang diambil. Pendekatan yang telah dan sedang dilaksanakan antaranya ialah melaksanakan pemantapan pedagogi guru Matematik dan Bahasa Inggeris melalui strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran menggunakan pedagogi terbeza dan pembelajaran yang menyeronokkan agar PdP Matematik dan Bahasa Inggeris yang dilaksanakan dalam bilik darjah menepati situasi dan pelbagai kecerdasan murid. Kepelbagaian strategi dan kaedah yang digunakan akan menghasilkan pembelajaran lebih berkesan dan bermakna. Manakala di peringkat pejabat pendidikan daerah pula dari semasa ke semasa sentiasa dilaksanakan pemerksaan pegawai SISC+ supaya guru-guru dapat diberikan bimbingan dalam aspek pedagogi terbeza bagi menghadapi murid pelbagai kebolehan agar pengajaran lebih menarik dan berkualiti.

KPM yakin usaha dan inisiatif daripada KPM, JPN dan PPD akan membantu sekolah bagi memastikan murid lulus mata pelajaran yang diambil dalam SPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MUSODDAK BIN AHMAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN MUSODDAK BIN AHMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi bagi memperkukuh penyediaan makanan halal di restoran dan kedai-kedai makan berikutan peningkatan kes-kes kedai makan yang tiada sijil halal sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk membantu usahawan dalam pelbagai aspek termasuk meningkatkan kesedaran pengusaha-pengusaha mengenai pensijilan halal Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha memohon SPHM dan dalam masa yang sama kerjasama agensi-agensi pembimbing seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Perusahaan Pekebun Kecil (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) sentiasa berkerjasama dalam usaha memudahcara dan membantu usahawan khususnya usahawan Industri Kecil dan Mikro.

2. Dalam masa yang sama, JAKIM dan agensi-agensi lain terus berusaha mengadakan promosi melalui taklimat dan bengkel mengenai prosedur dan kepentingan pensijilan halal serta mengadakan program bersama pihak persatuan-persatuan industri seperti Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM), *Federations of Malaysia Manufacturer (FMM)*, *The Cosmetic, Toiletry & Fragrance Association of Malaysia (CTFA)*, Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan lain-lain bagi membantu meningkatkan jumlah permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia dalam kalangan industri berkenaan.
3. Manakala dalam konteks penguatkuasaan halal, JAKIM dan JAIN/MAIN bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) amat mengambil berat akan kawalan terhadap penggunaan logo halal dan isu-isu berkaitan halal yang boleh mengelirukan pengguna. Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya terdapat penyalahgunaan logo halal atau sebarang pelanggaran terhadap Akta Perihal Dagangan 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.
4. Sebagai inisiatif bagi menyelaraskan aduan-aduan berkaitan halal, JAKIM telah menubuhkan Pasukan Strategik Halal Malaysia dan Hubungan Industri agar tindakan dapat dilaksanakan dengan segera. Orang ramai boleh mendapat maklumat berkaitan produk-produk dan perkhidmatan yang telah dipersijilkan halal melalui semakan di Portal Halal di www.halal.gov.my dan juga melalui aplikasi di telefon pintar seperti *Smart Halal* dan *Verify Halal* yang boleh dimuat turun oleh pengguna sistem android mahupun IOS.

NO SOALAN: 41

5. Di samping itu, masyarakat pengguna khususnya yang beragama Islam, disaran agar sentiasa peka dan bijak memilih perkhidmatan dan produk makanan, minuman serta barangan keperluan yang berada di pasaran, termasuklah premis makanan, yang telah disahkan halal oleh pihak berkuasa berwibawa iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD
GHAFFAR
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' SHAMSUDDIN BIN HAJI ABD GHAFFAR minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian pemilikan rumah dalam kalangan Bumiputera di kawasan-kawasan bandar dan apakah usaha untuk meningkatkannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Transaksi Pindahmilik Harta Tanah Kediaman (Bumiputera) Mengikut Negeri pada tahun 2021, terdapat 106,276 transaksi pindahmilik harta tanah kediaman (Bumiputera) bernilai RM30,826,811,490. Perincian transaksi bagi lima (5) negeri utama adalah seperti berikut:

- (i) **Selangor:** 25,262 transaksi bernilai RM10,668,119,988;
- (ii) **Perak:** 12,024 transaksi bernilai RM2,704,047,496;
- (iii) **Terengganu:** 11,612 transaksi bernilai RM1,629,400,918;
- (iv) **Johor:** 10,258 transaksi bernilai RM2,840,564,766; dan
- (v) **Kedah:** 7,882 bernilai RM1,905,612,703.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, penetapan kuota Bumiputera adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan MADANI sentiasa komited membela nasib rakyat terutama kalangan Bumiputera dan telah menyediakan inisiatif di bawah aspek pembiayaan bagi menggalakkan pemilikan rumah di seluruh negara. Melalui inisiatif i-Biaya di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP), Kerajaan memberi jaminan had pembiayaan sehingga RM500,000. Ini termasuk jumlah pembiayaan pokok, Jaminan Tempoh Pengurangan Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Assurance*, MRTA) atau Takaful Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Takaful*, MRTT), yuran guaman dan yuran penilaian. Pembiayaan adalah untuk pembeli rumah pertama termasuk belia yang tidak mempunyai pendapatan tetap

atau penyata gaji seperti golongan *gig economy*. Walau bagaimanapun, pembiayaan ini tidak terhad untuk kediaman baharu sahaja, tetapi termasuk juga rumah sedia ada atau rumah lelongan.

Berdasarkan pengumuman Ekonomi MADANI baru-baru ini, jumlah keseluruhan jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan telah meningkat kepada RM10 bilion sepanjang tempoh pelaksanaan SJKP ini. Di sepanjang pelaksanaan SJKP mulai 2008 sehingga 30 September 2023, sebanyak 30,841 permohonan pinjaman bernilai RM5.85 bilion telah diluluskan. Seterusnya, Kerajaan melalui Belanjawan 2024 telah mencadangkan untuk menambah lagi RM10 bilion jumlah jaminan bagi memanfaatkan 40,000 peminjam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI PERDAGANGAN
DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan:-

- (a) mengapakah kebanyakan pasaraya tidak mempunyai beras tempatan yang dikawal harga oleh Kerajaan kerana perkara ini membebankan penduduk Malaysia yang terpaksa membeli beras import yang mahal; dan
- (b) apakah usaha pihak Kerajaan untuk menangani kenaikan harga bawang di Malaysia berikutan tindakan India sebagai negara pengeksport yang menghadkan eksport bawang dengan menetapkan harga minimum sebanyak RM3,823 setan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan bawang dari luar negara dan produk beras adalah di bawah kawal selia Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) termasuk kecukupan bekalan beras tempatan di pasaran dan ini selaras dengan Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994 (Akta 522) di bawah KPKM. Pihak KPKM seharusnya menjelaskan kedua-dua isu tersebut. KPDN turut bersama pihak KPKM dalam mengadakan operasi bersama yang dinamakan OPS JAMIN di mana KPDN menggerakkan anggota penguatkuasa di seluruh negara bagi menangani isu bekalan beras tempatan. Operasi ini termasuk pemeriksaan di peringkat rangkaian pengedaran seperti pengilang, pemborong dan peruncit.

Berhubung dengan isu bawang yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, KPDN sentiasa memantau kecukupan bekalan bawang di pasaran. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk mencari bekalan bawang dari negara sumber yang lain yang mana supaya bekalan tidak terjejas jika sesebuah negara pergeksport menghadapi masalah pengeksportan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI**
PENDIDIKAN menyatakan pendirian Kementerian untuk menambah
peruntukan kepada sekolah vernakular dan sekolah agama swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sekolah vernakular atau Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) adalah termasuk dalam Sekolah Kerajaan (SK) dan Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). SK merupakan institusi pendidikan yang ditubuh dan disenggara sepenuhnya oleh kerajaan. Manakala, SBK merupakan institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh pihak lain yang menjadi pemilik kepada tapak/bangunan sekolah.

Akta Pendidikan 1996 menetapkan bahawa Kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peruntukan kepada SK pada masa yang sama, Kerajaan juga boleh memberi sumbangan bantuan kepada SBK. Dalam hubungan ini, peruntukan mengurus dan pembangunan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) berstatus SK akan disalurkan oleh Kerajaan berdasarkan keperluan sebenar sekolah pada setiap tahun.

Bagi SJK berstatus SBK pula, Kerajaan ada menyediakan bantuan peruntukan bagi bayaran emolument dan elaun guru, utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, peralatan pengajaran dan pembelajaran serta pemberian bantuan persekolahan kepada murid di SBK yang layak. Selain daripada itu, SJK berstatus SBK juga boleh memohon sumbangan bantuan penyelenggaraan melalui Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masing-masing. Semua permohonan sumbangan bantuan SBK boleh dikemukakan oleh LPS kepada KPM melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan

Negeri (JPN) untuk semakan teknikal serta pertimbangan dan kelulusan KPM.

Kelulusan dan penyaluran peruntukan dan sumbangan bantuan penyelenggaraan adalah tertakluk kepada permohonan yang diterima dan kedudukan kewangan semasa KPM serta belanjawan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MoF) setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM tidak menyediakan atau menyalurkan bantuan kewangan kepada sekolah agama swasta atau sekolah persendirian selaras dengan perundangan dan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, KPM sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Pihak Berkuasa Agama Negeri (PBAN) dalam menjaga kebajikan Institusi Pendidikan Islam (IPI) di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, selaras dengan Perkara 12(2) Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 52 Akta Pendidikan 1996, KPM telah menyalurkan bantuan kepada IPI swasta dan persendirian berdasarkan permohonan daripada IPI tersebut. Penyaluran bantuan ini adalah secara sekali beri (*one-off*) dan pertimbangan serta kelulusan permohonan bantuan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan pada tahun semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah kursus perguruan di universiti tempatan khususnya di Sarawak untuk mengisi keperluan di negeri tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- 1 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meluluskan penubuhan Fakulti Pendidikan, Bahasa dan Komunikasi di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 2017. Program yang ditawarkan ialah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dan Sarjana Muda Pendidikan *Teaching English to Speakers of Other Languages* (TESOL).
- 2 Program yang sedang dirancang untuk ditawarkan pada masa hadapan ialah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan *Teaching English to Speakers of Other Languages* (TESOL) dan Master serta PhD secara penyelidikan dalam Pendidikan. Selain itu Institut Pendidikan Guru (IPG) di Sarawak telah menawarkan program-program pendidikan bagi memenuhi keperluan guru di Sarawak khususnya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 3 Universiti Awam (UA) yang lain di Malaysia juga sentiasa melakukan semakan kurikulum secara berkala untuk disesuaikan dengan keperluan pendidikan negara. Terdapat juga UA yang telah menawarkan Program Diploma Pasca Siswazah Pendidikan (PGDE) bagi siswazah yang berminat untuk menjadi guru dalam bidang-bidang penting dan kritikal sesuai dengan kehendak pemegang taruh di Malaysia.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah yang diambil untuk mengubah stigma kumpulan majikan supaya menggajikan bekas banduan agar dapat membantu menangani masalah kekurangan pekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sentiasa mengambil langkah proaktif bagi mengubah stigma kumpulan majikan supaya menggajikan bekas banduan agar dapat membantu menangani masalah kekurangan pekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Kementerian ini menerusi PERKESO dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia telah memeterai Nota Kolaborasi dalam usaha memperluaskan peluang kerjaya, meningkatkan kemahiran dan menyediakan perlindungan sosial kepada Orang Diparol, Orang Diselia dan Orang Bebas Berlesen.

2. Melalui penganjuran program-program intervensi awal termasuk program penempatan pekerjaan menerusi Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara MYFutureJobs memberi impak signifikan terutamanya bagi meningkatkan pengambilan pekerja oleh majikan dalam kalangan banduan dan bekas banduan. Sekaligus, langkah ini dapat menangani isu kekurangan tenaga kerja di negara ini. Selain itu, kerjasama strategik ini adalah lambang sokongan terhadap Projek Riben Kuning yang diperkenalkan oleh Kementerian Belia Dan Sukan bertujuan memberi peluang kedua kepada golongan mudah terjejas ini agar mereka boleh kembali ke pangkuan masyarakat dengan kehidupan yang lebih baik setelah selesai menjalani hukuman.

3. Sejak tahun 2021 hingga 10 November 2023, terdapat pelbagai inisiatif kerjasama yang telah dilaksanakan seperti Program Penempatan Pekerjaan Penghuni Penjara yang telah berjaya menawarkan pekerjaan kepada **893 bekas banduan** dan penempatan pekerjaan seramai **150 Orang Diparol dan Orang Diselia**. Selain itu, bagi program intervensi yang melibatkan Penghuni Bebas Lesen, seramai **135 orang pelatih Sekolah Henry Gurney** telah berjaya ditempatkan pekerjaan. Program advokasi bersama majikan dan industri turut diadakan untuk memberikan pendedahan dan sokongan kepada para majikan di Malaysia untuk menggajikan bekas banduan, seramai **514 majikan** telah menghadiri sesi advokasi tersebut.

4. Kementerian ini menerusi PERKESO dalam melaksanakan inisiatif Pasaran Buruh Negara secara bersasar di bawah Bajet 2023 bagi meningkatkan peluang pekerjaan dalam kalangan golongan rentan termasuk individu diparol dan bekas banduan iaitu, **Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar menerusi Program Daya Kerjaya** yang membabitkan penempatan pekerjaan bagi kumpulan sasar daripada kalangan belia yang lama menganggur dan golongan rentan seperti orang asli, wanita, orang kurang upaya (OKU), miskin tegar, individu diparol, bekas banduan dan sebagainya. Insentif RM600 sebulan selama tiga bulan untuk majikan yang mengambil pekerja dari kumpulan sasar ini. **Berdasarkan statistik, setakat 9 November 2023, sebanyak 6,021 permohonan** daripada majikan telah diluluskan melibatkan seramai **11,708 orang** daripada golongan mudah terjejas dengan **kos bayaran** sebanyak **RM13.82 juta**.

5. Manakala di bawah Belanjawan 2024 pula golongan rentan ini masih menjadi keutamaan negara bagi memastikan peluang pekerjaan dalam kalangan mereka dapat diperluaskan dengan **Pelanjutan Program Daya Kerjaya** yang mana insentif sebanyak **RM1,500 sebulan** selama enam bulan untuk menyokong kemasukan lebih **3,300 pencari kerja** dengan peruntukan **RM30 juta** sebagai galakan kepada majikan swasta untuk menggaji golongan mudah terjejas seperti OKU, bekas banduan dan warga emas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menyelesaikan masalah banjir di kawasan Parlimen Penampang dan usaha-usaha lain Kementerian mengatasi masalah ini yang kian meruncing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian mengambil maklum dan memberi perhatian yang serius dengan kejadian banjir yang berlaku di kawasan Penampang. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) sedang melaksanakan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Moyog, Sabah dengan anggaran kos berjumlah RM281 juta yang bertujuan mengurangkan risiko banjir di Daerah Penampang iaitu Pekan Donggongon, Pekan Putatan dan Pekan Kibabaig. Projek ini dijangka siap pada Disember 2024.

2. Dalam membantu mengurangkan risiko banjir di kawasan sekitar, JPS telah melaksanakan kerja-kerja kecil di bawah Program Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir melibatkan kerja-kerja seperti berikut:

- i. Penyiasatan tanah;
- ii. Kerja Ukur;
- iii. Rekabentuk terperinci;
- iv. Kerja-kerja pengaluran sungai;
- v. Kerja-kerja menstabilkan tebing sungai;
- vi. Menaik taraf aset tak alih;
- vii. Menaiktaraf saluran dan struktur berkaitan bagi meningkatkan kualiti air sungai;
- viii. Pengurusan projek; dan
- ix. *Communication, Education, Participation and Awareness (CEPA)*

NO SOALAN: 47

3. Di bawah projek ini, Kementerian telah melaksanakan sebanyak 5 kerja pada tahun 2022 berjumlah RM972 ribu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah penerima Geran Agropreneur Muda (GAM) yang telah dimanfaatkan di bawah Program Agropreneur Muda (PAM) sejak tahun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah penerima geran agropreneur muda sejak tahun 2022 sehingga November 2023 adalah seramai 1,403 orang dengan nilai geran sebanyak RM23,252,546.90.

Pecahan mengikut skop adalah seperti berikut:

- (i) Industri Makanan dan Asas Tani: 534 orang (RM8,811,868.50);
- (ii) Tanaman: 510 orang (RM8,475,463.50);
- (iii) Ternakan: 230 orang (RM3,711,290.00); dan
- (iv) Perikanan: 129 orang (RM2,253,924.90).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A. ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasional di sebalik kebenaran yang diberikan kepada sektor kesihatan swasta untuk mengajikan jururawat terlatih dari luar negara dan apakah jaminan bahawa kebenaran tersebut tidak akan memberi implikasi negatif kepada peluang untuk jururawat tempatan berkhidmat di hospital mahupun klinik swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KKM telah mengkaji unjuran keperluan jururawat di sektor swasta di atas permohonan yang dikemukakan oleh Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) yang berpunca daripada kekurangan graduan akibat pandemik COVID-19 yang tidak dapat memenuhi permintaan.
2. Justeru itu, KKM telah bersetuju memberi kelonggaran bersyarat kepada fasiliti kesihatan swasta untuk mengambil Jururawat Terlatih Warga Asing (JTWA) bagi tempoh 12 bulan mulai 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024. Walaupun tempoh sah pengambilan JWTA hanya untuk setahun sahaja, pelanjutan perkhidmatan dibenarkan selama 12 bulan lagi berdasarkan kelulusan Perakuan Pengamalan Sementara (TPC) dan ia akan dinilai semula mengikut keadaan serta keperluan semasa.
3. Pengambilan JTWA juga hendaklah mematuhi kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Bilangan JTWA di setiap fasiliti kesihatan swasta tidak boleh melebihi 40 peratus daripada jumlah jururawat di fasiliti berkenaan untuk memberi peluang pekerjaan kepada jururawat dalam negara.

4. Rasional penggajian JTWA ialah:
- (a) agar operasi fasiliti swasta dapat dioptimumkan dan secara tidak langsung akan mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan. Dalam hal ini, hospital kerajaan dapat lebih menumpukan kepada perawatan pesakit yang lebih kritikal.
 - (b) agar penggajian JTWA dapat menampung keperluan kritikal perkhidmatan kejururawatan sektor swasta. KKM menjangkakan langkah ini akan memberi kesan positif terhadap pelbagai sektor seperti industri pelancongan kesihatan, dan seterusnya merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pihak kementerian berpendapat penggajian JTWA tidak akan memberi implikasi negatif kepada peluang untuk jururawat tempatan berkhidmat di hospital mahupun klinik swasta memandangkan:
- (a) kelonggaran bersyarat kepada fasiliti kesihatan swasta untuk mengambil JTWA adalah bagi tempoh 12 bulan sahaja mulai 1 Oktober 2023 hingga 30 September 2024; dan
 - (b) jururawat tempatan sedia ada dan graduan kejururawatan tempatan yang layak dan memenuhi syarat lantikan Pihak Berkuasa Melantik boleh berkhidmat di hospital dan klinik di sektor awam yang melibatkan KKM, hospital universiti, pihak berkuasa tempatan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pembangunan

Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta di sektor swasta.
Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pelaksanaan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja yang dibuka sehingga 31 Disember 2023 dan berapakah jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah diberi kelonggaran untuk membolehkan mereka diambil bekerja sebagai pekerja yang sah dan digaji oleh majikan yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Pada masa kini, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia sedang melaksanakan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) 2.0 yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Rekalibrasi Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang dilaksanakan pada tahun 2020. RTK 2.0 membolehkan majikan untuk meregularisasikan PATI sebagai pekerja asing yang sah.

RTK 2.0 yang bermula pada 27 Januari 2023 merangkumi semua sektor penggajian pekerja asing yang dibenarkan. Sehingga 16 November 2023, sejumlah 177,730 orang PATI telah berjaya melalui proses verifikasi dan diluluskan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Menyedari bahawa unjuran keperluan tenaga kerja asing dalam negara telah dipenuhi, Kerajaan pada 4 Oktober 2023 telah bersetuju supaya proses pendaftaran RTK 2.0 ditamatkan pada 31 Disember 2023 bagi semua sektor. Walau bagaimanapun, proses verifikasi dan pengeluaran PLKS akan diteruskan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga tahun 2024. Susulan penamatan RTK 2.0, aktiviti penguatkuasaan akan dipertingkatkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS

PERTANYAAN ; LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) bilangan dan kadar kemasukan pelajar **berbangsa India** ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam pada tahun ini; dan
- (b) jumlah pelajar **berbangsa India** yang layak tetapi tidak mendapat tempat untuk tiga pilihan utama jurusan pengajian yang telah dipohon oleh mereka.

JAWAPAN

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan sistem MyMohes di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), bilangan kemasukan pelajar warganegara berbangsa India di IPTA dari tahun 2020-2023 adalah seperti berikut:
 - i. **2020**: 9,500 orang pelajar.
 - ii. **2021**: 11,394 orang pelajar.
 - iii. **2022**: 10,201 orang pelajar.
 - iv. **2023 (Sehingga September)**: 6,167 orang pelajar.

2. Pecahan kemasukan mengikut pelajar warganegara berbangsa India mengikut IPTA dari tahun 2020 - 2023 adalah seperti berikut:
 - i. Bilangan kemasukan ke **UA** seramai **6,816** pelajar pada tahun 2020, diikuti seramai **8,082** pada 2021, seramai **6,888** pada 2022 dan sehingga September 2023 seramai **3,904** pelajar.
 - ii. Bilangan kemasukan ke **Politeknik** seramai **2,358** pelajar pada tahun 2020, diikuti seramai **2,663** pada 2021, seramai **2,757** pada 2022 dan sehingga September 2023 seramai **1,722** pelajar.

- iii. Bilangan kemasukan ke **Kolej Komuniti** seramai **326** pelajar pada tahun 2020, diikuti seramai **649** pada 2021, seramai **556** pada 2022 dan sehingga September 2023 seramai **541** pelajar.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan permohonan UPUOnline[®] bilangan calon **Lepasan SPM Kaum India** bagi sesi akademik 2023/2024 adalah:
 - i. Seramai **14,070** orang calon **Lepasan SPM Kaum India** telah **membuat permohonan**;
 - ii. Seramai **13,939** calon **layak dipertimbangkan** penawaran ke Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi program pengajian peringkat Diploma, Asasi dan Sijil; dan
 - iii. Daripada jumlah tersebut **7,645 berjaya ditawarkan program pengajian pilihan mereka** dengan **kadar kejayaan** sebanyak **54.85%**.
2. Daripada keseluruhan **7,645** penawaran **calon Lepasan SPM Kaum India** pada **sesi akademik 2023/2024**:
 - i. **3,201 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 1 hingga 3** melalui permohonan UPUOnline[®] calon dengan **peratus kejayaan 41.87%**; dan

- ii. **4,444 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 4 hingga 12** melalui permohonan UPUOnline[®] calon termasuk rayuan dengan **peratus kejayaan 58.13%**.

3. Berdasarkan permohonan UPUOnline[®] calon **Lepasan STPM/Setaraf Kaum India** pula bagi sesi akademik 2023/2024 pula:
 - i. Seramai **6,908** calon **Lepasan STPM/Setaraf Kaum India** telah membuat permohonan;
 - ii. Seramai **5,102** calon layak dipertimbangkan penawaran ke Universiti Awam bagi program pengajian peringkat Sarjana Muda; dan
 - iii. Daripada jumlah tersebut **4,083 berjaya ditawarkan program pengajian pilihan mereka** dalam UPUOnline[®] dengan **kadar kejayaan sebanyak 80.03%**.

4. Daripada keseluruhan **4,083** penawaran **calon Lepasan STPM/Setaraf Kaum India** pada **sesi akademik 2023/2024**:
 - i. **2,157 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 1 hingga 3** calon dengan **peratus kejayaan 52.83%**; dan
 - ii. **1,926 berjaya ditawarkan** program pengajian **pilihan 4 hingga 12** calon dengan **peratus kejayaan 47.17%**.

5. Maka, jumlah keseluruhan calon **Lepasan SPM dan Lepasan STPM/Setaraf Kaum India yang berjaya ditawarkan tiga (3) program pengajian pilihan utama** adalah sebanyak **5,358** dengan kadar kejayaan **45.69%** daripada **11,728** keseluruhan penawaran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 6 DISEMBER 2023**

DATUK NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan tempoh siap pelaksanaan bagi setiap agenda pembangunan semula kampung yang akan ditumpukan di Sabah khususnya yang melibatkan pembinaan semula jalan raya desa, pemasangan lampu jalan baharu, menaik taraf jambatan usang serta pembekalan elektrik dan air bersih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri khususnya agensi pelaksana iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah dalam melaksanakan projek-projek Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jambatan Luar Bandar (JMLB) di wilayah Sabah. Ini bagi memastikan projek-projek menaik taraf dan membina baru jalan serta jambatan dapat segera dilaksanakan. Pada masa ini, sebanyak 133 projek Jalan dan Jambatan Luar Bandar telah diluluskan untuk wilayah Sabah dengan kos keseluruhan berjumlah RM8.29 bilion. 27 daripadanya telah siap, 47 dalam pembinaan dan 57 dalam peringkat pra pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, tempoh pelaksanaan dan penyiapan projek Jalan dan Jambatan Luar Bandar adalah antara 3 hingga 6 tahun bergantung kepada nilai kos dan kompleksiti projek yang dilaksanakan. Fasa pelaksanaan projek Jalan dan Jambatan Luar Bandar merangkumi 3 fasa iaitu:

- i) Fasa pra pelaksanaan yang mengambil masa 1 hingga 2 tahun;
- ii) Fasa pembinaan yang mengambil masa 2 hingga 3 tahun; dan
- iii) Fasa pasca pembinaan yang mengambil masa 1-2 tahun.

Antara proses-proses utama yang mempengaruhi tempoh penyiapan projek Jalan dan Jambatan Luar Bandar adalah proses rekabentuk dan pengurusan nilai, proses perolehan perunding dan kontraktor, proses pengambilan tanah, pengalihan utiliti, prestasi kontraktor serta kapasiti agensi pelaksana.

Projek-projek Jalan dan Jambatan Luar Bandar yang telah siap dilaksanakan oleh Kementerian akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri seterusnya didaftarkan di bawah MARRIS bagi melayakkan jalan dan jambatan ini menerima peruntukan penyenggaraan setiap tahun. Ini bagi memastikan jalan dan jambatan yang siap dibina dapat disenggara secara berterusan bagi memastikan jalan dan jambatan berkenaan sentiasa berada dalam keadaan baik, selesa dan selamat dilalui oleh penduduk sekitar.

Manakala bagi projek bekalan elektrik luar bandar (BELB), sebanyak lapan (8) projek dalam peringkat pelaksanaan, 11 dalam peringkat pra pelaksanaan dan satu (1) projek yang baharu diluluskan untuk tahun 2024 dengan jumlah kos RM2.5billion. Tempoh pelaksanaan bagi sesuatu projek BELB adalah diantara 24 bulan hingga ke 40 bulan bergantung kepada skop projek yang terlibat. Bagi projek penyambungan talian grid tempoh pelaksanaan adalah diantara 24 hingga ke 30 bulan, manakala bagi projek alternatif seperti solar hibrid akan memakan masa selama 36 bulan. Selain daripada itu, terdapat juga projek talian penghantaran 132kV yang mengambil masa selama 40 bulan untuk disiapkan mengambil kira tempoh pengambilan balik tanah.

Pada masa ini Kementerian juga sedang melaksanakan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Tahun 2022 Semenanjung Malaysia dan Sabah yang memasuki Fasa-11 dengan tempoh pelaksanaan selama 18 bulan yang bermula pada 30 Mei 2023 dan dijangka tamat pada 29 November 2024 melibatkan pemasangan 14,210 unit lampu jenis *light emitting diode* (LED) 75watt. Melalui projek ini, sebanyak 1,910 unit LJK telah diperuntukkan bagi negeri Sabah dan

pemasangan akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga projek ini selesai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di bawah KKDW adalah bertujuan untuk membantu mempercepat liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat di kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah atau akaun baharu di kawasan luar bandar yang masih belum mendapat bekalan air bersih dan terawat.

Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah khususnya Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dalam menyediakan infrastruktur bekalan air di Sabah. Bagi kawasan yang belum mendapat liputan bekalan air bersih dan terawat, PBAN hendaklah mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri agar permohonan ini boleh diangkat kepada Kementerian Ekonomi mengikut *Rolling Plan* untuk kelulusan projek dan peruntukan, seterusnya dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Bagi pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), KKDW, tempoh pelaksanaan sesuatu projek adalah dalam tempoh 73 bulan dengan perincian seperti berikut:

- i. Peringkat Reka Bentuk sehingga Tender – 18 bulan
- ii. Peringkat Pembinaan – 36 bulan
- iii. Peringkat Tempoh Tanggungan Kecacatan – 12 bulan
- iv. Penutupan Akaun Kontraktor dan Perunding – 7 bulan

NO SOALAN: 52

Setelah sesebuah projek BALB siap dilaksanakan oleh Kementerian, Kementerian akan menyerahkan aset tersebut kepada Kerajaan Negeri melalui PBAN untuk tujuan pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif bekalan air. Sebarang isu pengoperasian sistem bekalan air tersebut adalah di bawah tanggungjawab PBAN.

Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM600 Juta kos untuk Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) Wilayah Sabah telah dipersetujui oleh Agensi Pusat. Bagi tahun 2023, peruntukan sebanyak RM145 Juta telah disediakan untuk Wilayah Sabah. Projek ini secara prinsipnya akan dilaksanakan secara berterusan mengikut keperluan dan keutamaan tertakluk kepada fokus negara dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini kajian terhadap cadangan untuk mengurangkan Permit Diluluskan (AP) dan Permit Import (IP) yang dijangka dapat menurunkan harga barang dan meringankan kesan inflasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, sebanyak empat Sesi Libat Urus telah dilaksanakan bagi mendapatkan input langsung daripada kementerian, agensi, dan pemain industri terpilih mengenai prosedur kebenaran mengimport masing-masing. Kementerian Ekonomi seterusnya akan menganalisis data-data import yang berkaitan bagi tujuan mengenal pasti kesan prosedur kebenaran mengimport terhadap kelancaran dan kos pengimportan barangan di pelabuhan. Hasil kajian ini akan dibentangkan di Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi mendapatkan keputusan dasar yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan projek penanaman secara besar-besaran di Sarawak mencapai kejayaan berserta dengan contoh-contoh kawasan penanaman padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah antara usaha Kementerian dalam memastikan projek penanaman secara besar-besaran di Sarawak dapat dilaksanakan adalah:

- (i) mengalakkan penggunaan benih padi berkualiti;
- (ii) mengadakan libat urus dengan pihak BERNAS untuk Cadangan Pajakan Pusat Pemprosesan Dan Pengeluaran Benih Padi Sah (SPCC) Stumbin, Sri Aman, Sarawak bagi melaksanakan loji benih padi sah dan pusat belian padi yang dijangka dapat dilaksanakan tempoh 2 tahun bermula sekarang;
- (iii) mengalakkan penggunaan mekanisasi dan automasi dalam penanaman padi;
- (iv) mempromosikan penanaman padi berskala besar melalui program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak di mana program ini telah dilaksanakan di IADA Batang Lupar, Sarawak dan IADA Kota Belud, Sabah yang mana telah merekodkan peningkatan hasil pendapatan daripada 50 peratus sehingga 100 peratus. KPKM telah memperuntukan sejumlah RM40 juta bagi penyediaan subsidi dan insentif kepada kesemua pesawah padi bukit melalui Skim Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) dengan melibatkan kawasan keseluruhan seluas 44,404 hektar;

NO SOALAN: 54

- (v) mengalakkan kolaborasi dalam kajian serta penyelidikan bersama institusi pengajian tinggi dan pihak swasta; dan
- (vi) melengkapkan pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran secara berfasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya setanding dengan PBT-PBT di negara-negara maju daripada segi kecekapan khidmat kepada rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengkaji inisiatif-inisiatif bagi memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat seiring dengan perkembangan dunia semasa.

KPKT telah menyediakan beberapa dokumen dasar yang menjadi rujukan PBT seperti Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara, Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara, Dasar Kebersihan Negara, Dasar Komuniti Negara, Dasar Pengurusan Sisa Pepejal dan Agenda Perbandaran Baharu.

KPKT juga telah menyediakan pelbagai garis panduan untuk menjadi rujukan PBT dalam meningkatkan kecekapan khidmat kepada rakyat seperti Garis Panduan Pembaharuan Semula Bandar, Garis Panduan Pasar Sejahtera di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, dan Garis Panduan Pengurusan Kenderaan Terbiar di Kawasan Operasi PBT. Selain itu, KPKT juga menilai prestasi PBT melalui sistem-sistem penilaian seperti Sistem Penarafan Bintang PBT, Penilaian Kemampuan Bandar, Penilaian Indeks Daya Huni Malaysia dan Penarafan Bandar Pintar.

NO SOALAN: 55

Di samping itu, KPKT juga sentiasa mengadakan pelbagai sesi libat urus bersama PBT untuk bertukar-tukar pandangan, mendaya upaya dan memperkasa PBT agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER
ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- a) pada tahap manakah pembangunan ladang solar di Malaysia dan berapakah jumlah pengguna teknologi solar bagi pengguna domestik; dan
- b) apakah perancangan Kerajaan untuk menggalakkan pengguna menggunakan tenaga solar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 2023 Kerajaan melalui Suruhanjaya Tenaga telah melaksanakan bidaan terbuka sebanyak empat pusingan di bawah program *Large Scale Solar* (LSS) bagi membolehkan mana-mana pemaju untuk membangunkan loji janakuasa solar berskala besar di seluruh Semenanjung dan Sabah. Dari empat pusingan tersebut, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 87 projek LSS dengan kapasiti sebanyak 2,457MW, dan pada Disember 2022, sebanyak 1,360MW loji janakuasa telah memulakan operasi.

2. Manakala bagi pengguna domestik pula, Kerajaan telah menawarkan kuota bagi pemasangan di bawah program *Feed-in Tariff* (FiT) dan *Net Energy Metering* (NEM). Program-program ini merupakan suatu bentuk insentif yang ditawarkan kepada pengguna domestik untuk menjana Tenaga Boleh Baharu (TBB). Daripada program FiT, sebanyak 8,852 buah sistem solar dengan kapasiti sebanyak 74.71MW telah dicatatkan oleh pengguna domestik. Bagi program NEM pula, telah mencatatkan sebanyak 21,318 buah sistem solar PV dengan kapasiti 159.211MW telah beroperasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan situasi terkini penggantungan operasi syarikat penerbangan tambang murah MYAirline Sdn Bhd yang berlaku secara tiba-tiba sehingga menjejaskan sebahagian besar penumpang yang telah membeli tiket termasuk juga kakitangan syarikat penerbangan tersebut serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan berhubung perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, MYAirline Sdn. Bhd. (MYAirline) telah menggantung operasinya pada 12 Oktober 2023. Berdasarkan data terkini yang diterima daripada MYAirline, penggantungan operasi ini telah menjejaskan 117,461 penumpang yang telah pun membeli tiket penerbangan yang ditawarkan oleh syarikat tersebut bagi tujuh (7) laluan domestik dan dua (2) laluan antarabangsa iaitu Kuala Lumpur-Pulau Pinang, Kuala Lumpur-Kota Bharu, Kuala Lumpur-Langkawi, Kuala Lumpur-Kota Kinabalu, Kuala Lumpur-Tawau, Kuala Lumpur-Kuching, Kota Kinabalu-Tawau dan Kuala Lumpur-Suvarnabhumi (Bangkok) dan Kuala Lumpur-Don Mueang (Bangkok), Thailand. Jumlah harga tiket yang telah dijual sehingga bulan Mac 2024 adalah sebanyak RM 22,090,184.
2. Tindakan MYAirline yang menggantung operasinya secara tiba-tiba dibuat tanpa sebarang notis diberikan kepada penumpang serta kepada Kementerian Pengangkutan dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pengangkutan iaitu Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM).
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, MAVCOM telah menggantung Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Services Licence – ASL*) MYAirline pada 1 November 2023, dan seterusnya lesen ASL tersebut telah tamat tempoh sahnyanya pada 14 November 2023.

4. Susulan daripada arahan saya kepada MAVCOM pada 12 Oktober 2023, pihak MAVCOM telah menubuhkan satu Pasukan Petugas bagi menangani isu-isu berkaitan bayaran balik kepada pengguna terjejas. Pasukan Petugas ini sedang mengkaji dan membuat syor kepada MAVCOM berhubung dengan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memperkasakan proses penilaian ke atas semua permohonan baharu dan pembaharuan lesen yang diluluskan oleh MAVCOM, walaupun proses penilaian ke atas permohonan baharu dan pembaharuan lesen yang sedia ada adalah ketat dan berhemah ("*prudent*").

5. Berhubung dengan bantuan kepada pelanggan yang terkesan ekoran penggantungan operasi MYAirline, sukacita saya memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian Pengangkutan melalui MAVCOM akan memastikan semua aduan terhadap MYAirline diambil tindakan dan diselesaikan seperti mana yang ditetapkan di bawah Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) yang telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2016.

6. Berdasarkan Perenggan 12 MACPC, para penumpang yang terjejas hendaklah ditawarkan bayaran balik (*refund*) dalam masa 30 hari pada harga yang dibeli termasuk cukai dan fi, bagi sebahagian atau bahagian-bahagian perjalanan yang tidak dilaksanakan.

7. Pihak MAVCOM sedang memantau situasi ini dengan rapat dan akan memastikan semua aduan serta isu yang dibangkitkan oleh penumpang yang terjejas disebabkan penggantungan operasi MYAirline dapat diselesaikan sepenuhnya. MYAirline telah memberi jaminan kepada MAVCOM bahawa mereka akan menunaikan kewajipan untuk membuat bayaran balik kepada penumpang yang terjejas.

8. Selain itu, pihak MAVCOM juga telah mengadakan perbincangan bersama pihak Bank Negara Malaysia berkenaan isu pembayaran balik kepada pelanggan yang terjejas dalam hal ini. Dalam hal ini, pihak Bank Negara Malaysia telah mengesahkan bahawa bagi penumpang yang telah membeli tiket melalui kad kredit, kad debit dan "*direct debit*" (FPX), penumpang boleh menuntut pembayaran balik melalui proses caj balik (*chargeback*) dengan menghubungi bank atau pengeluar kad debit atau kad kredit mereka.

9. Di samping itu juga, bagi pengguna yang membeli tiket penerbangan dengan ejen pelancongan dan ejen pelancongan dalam talian, bayaran balik adalah tertakluk kepada terma dan syarat tiket penerbangan yang ditempah melalui ejen pelancongan. Bagi penumpang yang telah membeli insurans perjalanan MYAirline, penumpang boleh menyemak dengan Zurich Malaysia, penyedia insurans perjalanan MYAirline mengenai terma dan syarat insurans perjalanan yang telah dibeli. Zurich Malaysia juga menawarkan pembayaran muhibah bagi mereka yang telah membeli insurans perjalanan dengan mereka.

10. Bagi kakitangan MYAirline pula, perkara ini sedang diteliti oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Pekerja yang terjejas disebabkan oleh penggantungan operasi MYAirline dijangka menerima manfaat Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dan manfaat Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), tertakluk kepada penelitian dan semakan oleh pihak PERKESO.

11. Setakat ini, PERKESO telah menerima permohonan SIP daripada 533 orang pekerja MYAirline dan 277 orang telahpun diluluskan permohonan mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 6 DISEMBER 2023**

DATO' HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- a) justifikasi pelaksanaan Akaun Fleksibel atau Akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara terperinci; dan
- b) peranan akaun tersebut dalam meringankan beban kewangan rakyat memandangkan ia tidak akan menerima jumlah dividen yang sama seperti Akaun 1 dan 2.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Skim KWSP sentiasa ditambah baik bagi membolehkan ahli mempunyai jaminan pendapatan persaraan yang mencukupi untuk menyara kehidupan sepanjang persaraan mereka di samping mengimbangi keperluan semasa ahli.

Susulan dengan fenomena penuaan penduduk dan perubahan landskap pekerjaan yang kian menjurus kepada pekerjaan tidak formal, maka adalah penting untuk KWSP menarik minat golongan ini mencarum di bawah Skim KWSP.

Buat masa ini, akaun KWSP terdiri daripada 2 akaun iaitu Akaun 1 dan Akaun 2. Penstrukturan semula akaun akan dibuat dengan mewujudkan akaun baharu iaitu Akaun Fleksibel. Akaun ini boleh diakses atau dikeluarkan oleh semua ahli pada bila-bila masa tanpa mengira latar belakang ekonomi mereka.

Oleh kerana Akaun Fleksibel ini boleh diakses oleh ahli pada bila-bila masa, ianya dapat meringankan beban kewangan ahli terutamanya ketika menghadapi keperluan di luar jangkaan.

Melihat dari sudut kadar pulangan dividen kepada ahli, sememangnya jika dilihat kepada amalan di institusi kewangan yang lain di mana simpanan yang mempunyai tahap kecairan yang tinggi seperti akaun simpanan/ semasa akan menerima kadar faedah yang lebih rendah berbanding simpanan bagi tempoh jangka masa sederhana/

panjang. Justeru kepada ahli yang tidak bercadang membuat sebarang pengeluaran daripada Akaun Fleksibel, mereka boleh memilih untuk membuat pemindahan daripada Akaun Fleksibel ke akaun-akaun lain bagi membolehkan mereka mendapat kadar dividen yang lebih tinggi.

Buat masa ini, pihak KWSP sedang dalam peringkat untuk memuktamadkan mekanisme pelaksanaan Akaun Fleksibel dan perincian inisiatif ini akan diumumkan dalam masa yang terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan ulasan Kementerian terhadap isu kenaikan yuran perkhidmatan Universiti Malaya (UM) untuk sesi akademik yang baru dan apakah mekanisme yang sedia ada yang diambil oleh Kementerian dalam mengawal yuran pengajian dan perkhidmatan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) supaya ia tidak membebankan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian menyambut baik saranan YAB Perdana Menteri semasa Ucapan Belanjawan 2024 beliau pada 13 Oktober 2024 lalu, supaya semua Universiti Awam (UA) bertindak lebih proaktif dan insani dalam membantu urusan pembayaran yuran kemasukan pengajian dan tidak menghalang pendaftaran pengajian mereka disebabkan faktor kemiskinan.
2. Bagi membolehkan saranan ini selari dengan nilai pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) oleh PTPTN yang berjumlah RM1,500 kepada semua bakal pelajar baharu yang layak, semua UA telah diarahkan untuk menghadkan yuran pendaftaran pelajar sehingga RM1,500 sahaja mulai Januari 2024.
3. Pada masa yang sama, Universiti perlu lebih memahami berkenaan hal ehwal kebajikan pelajar. UA tidak dibenarkan menghalang pendaftaran pelajar kerana tidak membayar yuran kemasukan pengajian dan pelajar sedia ada yang tidak mampu membayar yuran pengajian tidak lagi akan disekat bagi mendaftar subjek pada setiap semester dan bayaran boleh dilunaskan selepas pendaftaran subjek.

NO SOALAN: 59

4. Pada masa yang sama, pelajar yang berkemampuan pula adalah diminta untuk lebih bertanggungjawab dan tidak mengambil kesempatan kepada kemudahan ini dengan menjelaskan yuran yang tertunggak dan tidak culas. Ini bagi memastikan universiti dapat terus beroperasi dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga kampus.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi Kementerian untuk mempromosi dan mempelbagaikan aktiviti pelancongan dalam negara (domestik) dan apakah perancangan Kerajaan dalam mempromosi Negeri Pahang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa pro-aktif dalam mempromosikan destinasi pelancongan dan meningkatkan sosio ekonomi negara. Pihak Kementerian bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pahang, Badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta bagi merencanakan industri pelancongan khususnya untuk pelancongan domestik. Kementerian melalui Pejabat Tourism Malaysia Wilayah Timur telah melaksanakan dan akan melaksanakan usaha-usaha berikut untuk mempromosi tempat-tempat tarikan pelancongan di Negeri Pahang:-

- (i) Bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan seperti Kerajaan Negeri Pahang melalui Exco Pelancongan Negeri Pahang, Tourism Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan dan agensi-agensi pelancongan bagi menjayakan promosi pelancongan.
- (ii) Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan pihak Swasta di dalam penganjuran program yang diadakan di Pahang.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menarik minat rakyat bukan Bumiputera untuk menyertai perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melaksanakan pelbagai program untuk menarik minat golongan belia dan remaja untuk menyertai ATM tanpa menetapkan sebarang kuota kaum. Pada masa yang sama, Kementerian juga sentiasa berusaha untuk meningkatkan penyertaan warganegara Malaysia daripada komuniti Bukan Bumiputera untuk menyertai ATM.

2. Antara usaha yang dilaksanakan ialah mempromosikan kerjaya ATM di institusi pengajian tinggi dengan menjalinkan kerjasama rapat dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Aktiviti promosi kerjaya yang dilaksanakan adalah seperti '*road show*' karnival kerjaya kepada graduan lepasan IPTA/IPTS dan belia lepasan SPM melalui pameran dan promosi, kempen serta ceramah yang giat diadakan di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Tumpuan khusus turut diberikan di sekolah dan universiti yang mempunyai kepadatan komuniti Bukan Bumiputera.

3. Selain itu, pihak ATM turut bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dan Agensi Awam/Swasta yang lain melalui penyertaan dalam '*road show*' karnival kerjaya yang dilaksanakan oleh pihak berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam mempromosikan Negeri Perlis agar turut menjadi pilihan utama pelancongan pada Tahun Melawat Malaysia yang diumumkan pada 2026 kelak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya, Tourism Malaysia sentiasa komited dalam mempromosikan sektor pelancongan negara secara aktif. Antara usaha mempromosikan Negeri Perlis untuk turut menjadi pilihan utama pelancongan pada Tahun Melawat Malaysia 2026 yang diumumkan baru-baru ini adalah seperti berikut:

- I. Mengadakan Lawatan Suaikenal ke Produk Pelancongan di Negeri Perlis bagi kumpulan media dan agensi pelancongan antarabangsa dan tempatan, khususnya lawatan media ke acara-acara utama Tahun Melawat Perlis 2024-2025 sekaligus dapat mempromosikan dan membangunkan pakej negeri Perlis kepada orang ramai;
- II. Penggambaran oleh stesen TV antarabangsa dan tempatan dalam acara-acara Tahun Melawat Perlis dan produk-produk pelancongan yang terdapat di negeri Perlis;
- III. Mempromosikan acara-acara yang berlangsung di negeri Perlis yang terdapat di dalam kalendar acara kerajaan negeri dan swasta ke pejabat-pejabat Tourism Malaysia dalam dan luar negeri, di pameran-pameran antarabangsa dan tempatan;

- IV. Menjemput pemain industri dari negeri Perlis untuk menyertai misi jualan/ pemasaran yang menyediakan platform pertemuan di antara penggiat industri tempatan dari seluruh negara bagi memberi pendedahan serta merancakkan lagi industri pelancongan; misalnya Malaysia International Travel Mart (MITM), Matta Fair dan Jerayawara Jom Cuti-Cuti Malaysia;
- V. Mempromosi acara-acara yang berlangsung melalui media sosial Tourism Malaysia;
- VI. Melibatkan pemain industri pelancongan dari negeri Perlis dalam Misi Galakan ke luar negara di mana para pengusaha pelancongan tempatan berpeluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej istimewa kepada pengusaha pelancongan di negara yang dilawati khususnya bersempena dengan Tahun Melawat Perlis 2024-2025;
- VII. Penyediaan editorial dan “*content*” bagi penggunaan media tempatan dan antarabangsa bagi meningkatkan publisiti mengenai program-program di negeri Perlis; dan
- VIII. Memastikan premis penginapan dan produk pelancongan di negeri Perlis terus menjaga kualiti perkhidmatan produk untuk terus berdaya saing dengan produk lain seperti yang terdapat di Pulau Pinang dan Langkawi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan oleh Kementerian kepada sekolah vernakular bagi tahun 2023 dan yang telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha untuk menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua sekolah termasuk sekolah vernakular iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sehingga 30 Oktober 2023, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan Institusi Pendidikan kepada SJKT Sekolah Kerajaan sebanyak RM6.09 juta melibatkan 90 buah sekolah dan sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada SJKT Sekolah Bantuan Kerajaan sebanyak RM19.48 juta melibatkan 277 buah sekolah. KPM juga telah menyalurkan peruntukan khas bagi naik taraf dan penyelenggaraan kecil Institusi Pendidikan tahun 2023 (penyelenggaraan tandas dan penyelenggaraan lain) sebanyak RM11.48 juta melibatkan 164 buah SJKT Sekolah Kerajaan di seluruh negara. Ini menjadikan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang telah disalurkan kepada SJKT Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan di seluruh negara pada tahun 2023 adalah sebanyak RM37.05 juta.

Selain daripada itu, sehingga 30 Oktober 2023, KPM juga telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan Institusi Pendidikan kepada SJKC Sekolah Kerajaan sebanyak RM14.99 juta melibatkan 186 buah sekolah dan sumbangan bantuan penyelenggaraan kepada SJKC Sekolah Bantuan Kerajaan sebanyak RM47.70 juta melibatkan 816 buah

sekolah. KPM juga telah menyalurkan peruntukan khas bagi naik taraf dan penyelenggaraan kecil Institusi Pendidikan tahun 2023 (penyelenggaraan tandas dan penyelenggaraan lain) sebanyak RM29.82 juta melibatkan 417 buah SJKC Sekolah Kerajaan di seluruh negara. Ini menjadikan jumlah peruntukan penyelenggaraan yang telah disalurkan kepada SJKC Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan di seluruh negara pada tahun 2023 adalah sebanyak RM92.51 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui pembentangan Belanjawan 2024 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan untuk penyelenggaraan di semua jenis sekolah melibatkan sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah tamil dan sekolah cina termasuklah sekolah pendidikan khas.

Buat masa ini, agihan peruntukan penyelenggaraan secara terperinci masih dalam peringkat perbincangan dalaman KPM. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan ini setelah perancangan agihan peruntukan dimuktamadkan. Penyaluran peruntukan ini adalah berdasarkan permohonan penyelenggaraan yang dikemukakan kepada KPM oleh sekolah melalui pejabat pendidikan daerah atau jabatan pendidikan negeri dan bahagian. KPM akan menyalurkan peruntukan penyelenggaraan kepada sekolah berdasarkan keperluan (*needs-based*) mengikut permohonan dan susunan keutamaan, seterusnya memastikan peruntukan penyelenggaraan ini diagihkan sama rata kepada semua sekolah KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kebocoran data dan juga melindungi privasi data pusat Pangkalan Data Utama (PADU).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Pangkalan Data Utama (PADU) yang dijadual dilancarkan pada Januari 2024 sedang giat dibangunkan secara dalaman menggunakan kepakaran penjawat awam sedia ada tanpa melibatkan lantikan daripada perunding luar. Pembangunan PADU melibatkan beberapa agensi utama, iaitu Kementerian Ekonomi sebagai peneraju, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai pusat statistik negara yang mempunyai pelbagai data dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang menyediakan kepakaran teknikal dalam pembangunan sistem ICT dan pendigitalan sektor awam. Kementerian Kewangan turut terlibat dalam meneliti keperluan peruntukan bagi pembangunan PADU.

Dalam proses pembangunan PADU, risiko keselamatan sistem dan kebocoran maklumat terperingkat sentiasa dititikberatkan oleh semua pihak. Bagi memastikan pengendalian data yang selamat, aspek keselamatan data dan siber yang terangkum akan diberi perhatian sewajarnya. Selain daripada mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) yang komprehensif untuk PADU, tumpuan juga perlu diberikan untuk meningkatkan tahap keselamatan sistem ini.

Pasukan pembangunan PADU yang diketuai oleh MAMPU sentiasa bekerjasama rapat dengan pelbagai agensi yang menguruskan keselamatan siber dan privasi data negara seperti Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO), Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Jabatan Perlindungan Data

Peribadi (JPDP) Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Kerjasama strategik ini bagi memastikan pencegahan kebocoran data dan perlindungan privasi data PADU diberikan keutamaan tinggi. Selain itu, Kerajaan juga turut melaksanakan pengurusan risiko keselamatan maklumat melalui penilaian dan strategi mitigasi risiko dengan mengenal pasti potensi ancaman, analisis impak serangan siber serta perancangan mitigasi risiko berterusan ke atas sistem PADU bagi perlindungan kawalan sewajarnya ke atas risiko aset maklumat.

Data yang terdapat dalam PADU merupakan satu sumber yang sangat berharga. Bagi memastikan perlindungan data dilaksanakan dengan tahap tertinggi, Kerajaan melaksanakan penyulitan data atau dengan izin, *data encryption* di semua peringkat pemprosesan data sistem PADU. Proses penyulitan data akan menggunakan teknologi terkini dengan pematuhan kepada standard keselamatan yang ketat bagi menghalang capaian yang tidak dibenarkan.

Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan Pengesahan Pelbagai Faktor bagi kawalan capaian sistem PADU melalui pendaftaran pengguna dan log masuk menggunakan Nama Pengguna, Kata Laluan dan Kod Laluan Sekali (*One-Time Passcode, OTP*) yang dijana melalui e-mel atau Khidmat Pesanan Ringkas. Bagi memanfaatkan teknologi digital, Kerajaan turut memperkenalkan pengesahan identiti individu secara elektronik (*Electronic Know Your Customer, eKYC*) yang pertama dalam sistem aplikasi Kerajaan bagi menentusahkan pengenalan dan identiti individu semasa proses mengemas kini maklumat dalam sistem PADU.

NO SOALAN: 64

Sekiranya berlaku kebocoran data atau serangan siber ke atas sistem PADU, Kerajaan sentiasa bersiap siaga mengendalikan insiden keselamatan melalui Pasukan Tindak Balas Insiden Keselamatan Komputer yang akan melaksanakan penyiasatan punca insiden selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2022 - Pengurusan dan Pengendalian Insiden Keselamatan Siber Sektor Awam.

Selain itu, Kerajaan turut melantik Kumpulan Pakar Bebas yang terdiri daripada ahli yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang yang memainkan peranan sebagai semak dan imbang dalam memastikan pembangunan PADU memiliki ciri-ciri keselamatan yang terkini dan terbaik. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, apa yang dinyatakan sebentar tadi hanya merupakan sebahagian inisiatif yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan risiko dan keselamatan PADU diberi keutamaan sewajarnya. Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam memastikan data dalam Sistem PADU selamat daripada pelbagai ancaman sama ada dari luar atau dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu pesakit hemodialisis dan mengatasi masalah kekurangan mesin dialisis di hospital Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan dialisis yang sewajarnya dapat disediakan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar.

2. Langkah-langkah Kerajaan bagi membantu pesakit hemodialisis (HD) ialah dengan:
 - (a) menyediakan rawatan di 168 unit HD KKM, merangkumi 143 unit di hospital dan 25 unit hemodialisis di klinik kesihatan secara percuma untuk rakyat Malaysia;

 - (b) memberikan bantuan suntikan erythropoietin RM18.50 bagi seorang pesakit setiap kali rawatan berdasarkan tahap hemoglobin pesakit dengan jumlah maksimum 3 suntikan seminggu (kos subsidi maksimum RM2,886 per pesakit untuk setahun); dan

 - (c) memastikan setiap hospital KKM yang dibina baru turut dilengkapi dengan unit HD. Ini akan dapat meningkatkan kapasiti rawatan dialisis, dengan purata pertambahan minimum sebanyak 40-60 pesakit dialisis bergantung kepada peruntukan kewangan, bilangan staf dan syif rawatan.

3. Walau bagaimanapun, slot rawatan untuk menjalani rawatan hemodialisis di fasiliti KKM adalah terhad. Pilihan lain yang ada bagi pesakit ialah dengan menjalani rawatan di pusat dialisis swasta dan Badan Bukan Kerajaan (*Non-Government Organization, NGO*). Perkhidmatan HD disediakan di 646 pusat hemodialisis swasta dan NGO di seluruh negara yang berdaftar dan dikawal selia oleh KKM.
4. Bantuan subsidi rawatan HD diberikan sebanyak RM100 bagi setiap rawatan (RM15,600 per pesakit untuk setahun) dan pesakit kurang mampu hanya perlu membayar RM10 setiap rawatan;

Tuan Yang di-Pertua,

5. Langkah kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan mesin dialisis di hospital KKM ialah:
 - (a) memperuntukkan sebanyak RM4 juta hingga RM6 juta setiap tahun bagi pelaksanaan pelbagai kerja naik taraf bangunan dan pembelian serta penggantian aset perubatan di unit hemodialisis fasiliti KKM termasuk pembelian mesin HD;
 - (b) melaksanakan perolehan 28 buah mesin HD bernilai RM1.11 juta pada tahun 2022 dan 45 buah mesin bernilai RM1.8 juta pada tahun 2023. Bagi tahun 2024 pula, peruntukan bagi perolehan 40 buah mesin HD bernilai RM1.6 juta telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Ekonomi menerusi *Rolling Plan* Empat Tahun 2024, RMKe-12;

- (c) berkolaborasi dengan pelbagai agensi swasta, NGO dan badan-badan korporat seperti Lembaga Zakat, Lembaga Tabung Haji, FELDA, Tenaga Nasional Berhad, Habib Jewels dan Petronas melalui tanggungjawab sosial korporat. Melalui kolaborasi ini, KKM menerima sumbangan peralatan perubatan termasuk mesin HD; dan
- (d) KKM juga telah menerima sumbangan mesin HD ketika pandemik COVID-19 melanda negara, iaitu 162 mesin HD pada tahun 2020 dan 28 mesin HD pada tahun 2021.
6. Selain itu, selaras dengan pertambahan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara, KKM mempergiatkan usaha dalam memperluaskan kaedah rawatan dialisis secara *Peritoneal Dialysis* (PD). Terdapat sebanyak 45 unit *peritoneal dialysis* (PD) KKM di seluruh negara.
7. **Sebanyak** RM40 juta peruntukan diberikan setiap tahun sejak tahun 2019 bagi peluasan kaedah rawatan dialisis peritoneal. Disebabkan peningkatan pesakit dan perluasan rawatan PD yang progresif ini, peruntukan yang diperlukan untuk rawatan PD dijangka akan mencecah hampir **RM80 juta untuk pesakit yang dirawat pada tahun 2023.**

8. Selain daripada perkhidmatan dialisis, pesakit-pesakit yang mengalami kegagalan buah pinggang tahap akhir juga boleh mendapatkan khidmat nasihat kepakaran berkenaan pembedahan transplantasi. Perkhidmatan transplantasi buah pinggang telah disampaikan sejak tahun 1975 melalui penderma semasa hidup mahupun penderma selepas kematian.
9. Pembedahan transplantasi buah pinggang dijalankan di 2 buah fasiliti di bawah seliaan Kementerian iaitu Hospital Kuala Lumpur dan juga Hospital Selayang, 2 buah fasiliti hospital akademik serta 4 buah fasiliti swasta.
10. Sehingga kini, sebanyak 3,025 pembedahan transplantasi telah dijalankan di Malaysia yang melibatkan 869 orang penderma organ dan tisu. Walau bagaimanapun, kadar pendermaan organ dan tisu masih jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan jumlah pesakit yang menunggu pembedahan transplantasi iaitu sejumlah 15,425 orang di mana seramai 15,192 orang terdiri daripada pesakit dewasa serta 210 orang pesakit kanak-kanak yang mengalami kegagalan buah pinggang tahap akhir.
11. Sebagai usaha menangani masalah ini, pihak Kementerian telah mengambil pelbagai langkah proaktif dalam meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendermaan organ di samping mengatasi isu-isu sensitif berkaitan pendermaan organ. Usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat ini dijalankan melalui pelbagai platform media massa termasuk laman web, akhbar & majalah, radio, televisyen serta aplikasi atas talian seperti TikTok, Facebook dan Twitter. Kempen kesedaran di kalangan masyarakat

NO SOALAN: 65

juga diadakan secara berkala oleh pasukan daripada Pusat Sumber Transplan Nasional di peringkat kebangsaan manakala Unit Perolehan Organ Hospital di peringkat negeri/ lokaliti masing-masing. Untuk sebarang maklumat lanjut, layari laman web <https://www.dermaorgan.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BIN SITIN
TARIKH : 6 DISEMBER 2023

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) impak Program Pembentukan Usahawan Orang Asli yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kepada masyarakat Orang Asli sejak sekian lama; dan
- (b) jumlah peserta program tersebut yang telah berjaya dan kini mampu bersaing dengan rakan-rakan mereka di peringkat nasional.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah diperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun 2023 bagi program pembentukan usahawan Orang Asli dalam usaha meningkatkan ekonomi negara dan memperkasakan ekonomi Orang Asli.

JAKOA komited untuk membantu usahawan dan koperasi Orang Asli agar dapat keluar daripada garis kemiskinan dengan menyediakan pelbagai jenis bantuan yang meliputi geran bimbingan usahawan (peralatan dan premis), geran bantuan koperasi (premis perniagaan/ peralatan pejabat/ projek ekonomi/ modal insan), kursus/ latihan serta promosi/ karnival untuk usahawan dan koperasi Orang Asli. Pelaksanaan program-program tersebut mampu meningkatkan taraf hidup dan pendapatan masyarakat Orang Asli yang menerima bantuan daripada JAKOA.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2023 terdapat sebanyak 617 usahawan telah menerima geran bantuan bimbingan usahawan Orang Asli. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 usahawan Orang Asli yang kini mampu bersaing di peringkat nasional dalam memasarkan produk mereka dengan jualan produk makanan, membekalkan perkhidmatan inap desa, perkhidmatan sewaan peralatan, ternakan, ukiran dan hasil tani.

Sekian, terima kasih.